


Jilid IV  
Bil. 2



Hari Selasa  
14hb Mei, 1974

MALAYSIA

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 117]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang**  
**di-Pertuan Agong [Ruangan 130]**

MALAYSIA  
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KEEMPAT

---

Hari Selasa, 14hb Mei, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

- .. TUAN AWANG DAUD BIN MATUŠIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI A. HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

## YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
  - .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
  - .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
  - .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MOHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
  - .. Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
  - .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### POLITEKNIK UNGKU UMAR— IKTIRAF SIJIL

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan berhubung dengan Politeknik Ungku Umar, Ipoh:

- (a) samada Kerajaan akan mengiktiraf diploma-diplomanya sebagai diploma dari sebuah kolej;
- (b) samada Kerajaan bercadang mengeluarkan diploma-diploma kepada mahasiswanya;
- (c) samada Kerajaan bercadang mengadakan satu kursus pelajaran selama tiga tahun di masa hadapan menggantikan kursus pelajaran selama dua tahun yang ada sekarang di kolej tersebut;
- (d) samada Kerajaan bersetuju menubuhkan sebuah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab atas pentadbiran kolej tersebut, dan jika tidak, mengapa;
- (e) berapakah jumlah bantuan wang yang diterima dari UNESCO setiap tahun;
- (f) samada penuntut-penuntut keluaran kolej ini akan menjadi juruteknik atau pembantu teknik; dan
- (g) mengapakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi politeknik di Kuantan walaupun Politeknik Ungku Umar masih belum lagi digunakan sepenuhnya; dan samada projek ini praktik.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi kursus teknik politeknik hanya mengeluarkan sijil dan bukan diploma. Sijil Politeknik itu sudahpun diiktirafkan oleh Kerajaan sebagai kelayakan bagi juruteknik-juruteknik.
- (b) Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan diploma-diploma bagi mereka yang mengikuti kursus dua tahun, yang diadakan di Politeknik ini.

(c) Kursus di Politeknik ini adalah untuk melatih juruteknik-juruteknik dan bagi tujuan ini tidak perlu mengadakan kursus tiga tahun.

(d) Pentadbiran Politeknik adalah diuruskan oleh Pengetua dan Pegawai Pentadbir Politeknik serta Kementerian Pelajaran. Politeknik ini juga mempunyai satu Lembaga Nasihat yang di Pengerusi oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran. Lembaga ini mempunyai ahli daripada Jabatan-jabatan dan pihak Swasta. Oleh itu, tidak perlu mengadakan sebuah Lembaga Pengarah.

(e) Jumlah bantuan yang diterima dari UNESCO setiap tahun ialah seperti berikut:

1968—US \$30,000.00
1969—US \$232,000.00
1970—US \$401,000.00
1971—US \$414,000.00
1972—US \$194,000.00
1973—US \$40,000.00

(f) Penuntut yang mengikut kursus teknik keluaran Politeknik ini akan menjadi juruteknik.

(g) Politeknik Ungku Umar, Ipoh, hanya dapat mengeluarkan lebih kurang 500 juruteknik tiap-tiap tahun hingga tahun 1976, dan 525 juruteknik setahun selepas itu. Ini tidak mencukupi bagi keperluan negara mengikut kajian-kajian yang telah dibuat. Oleh itu, Kerajaan perlu menambahkan sebuah lagi politeknik di Kuantan, Pahang.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjawab bahawa Politeknik ini akan mengadakan kursus selama 2 tahun dan akan diberi sijil dan bukan diploma. Saya hendak bertanya iaitu tidakkah boleh Kerajaan melanjutkan kursus ini selama 3 tahun supaya boleh diberi diploma sebagaimana diploma yang dikeluarkan oleh Instituit Teknologi Kebangsaan?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun menjawab soalan itu dalam soalan (c) sebentar tadi.

## LIP ROSAK DI HOSPITAL BESAR MELAKA

2. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan mengapakah perlu memakan masa sampai enam bulan untuk membaiki atau membaharui lip yang rosak di Hospital Besar Melaka, memandangkan kepada keperluan lip itu di masa-masa kecemasan dan bolehkah Menteri itu menyasat sedalam-dalamnya perkara ini dengan tujuan mempercepatkan pembaikan atau membaharui lip yang rosak itu, dengan seberapa segera yang boleh.

**Peguami Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat 7 buah lip di Hospital Besar Melaka iaitu sebuah bagi tiap-tiap blok A. B. C. D., Block Bersalin dan 2 Block Pentadbiran. Sebarang kerosakan kecil yang dilaporkan berlaku ke atas lip-lip tersebut biasanya adalah dibaiki dalam masa seminggu dan kadang-kadang kala memakan masa dua minggu, tiga minggu jika kerosakan berlaku pada injin atau re-winding of the motors. Ahli Yang Berhormat telah tidak menyebutkan dengan khususnya mana satu lip di hospital tersebut yang telah mengambil masa 6 bulan untuk membaiki atau membaharuinya. Bagaimanapun, sepanjang yang diketahui memang terdapat satu kerosakan besar pada "lift express stretcher" di Block Bersalin hospital tersebut di mana kerja-kerja pemasangan semula sedang dijalankan. Lip tersebut telah terlalu tua iaitu dipasang dalam tahun 1934 dan sering kali rosak. Pada bulan Mei, 1973 satu penyiasatan telah dijalankan oleh Lembaga Penyiasat yang dibentuk khusus untuk memeriksa lip-lip tersebut dan didapati lip itu tidak boleh digunakan lagi dan mesti digantikan dengan lip yang baharu. Dengan persetujuan dari Kementerian Kesihatan tawaran telah dipanggil pada bulan November, 1973 untuk memasang lip yang baharu itu dan keputusannya kerja ini akan diberikan kepada Syarikat Otis Elevator. Pengarah Perkhidmatan Perubatan Kesihatan Melaka telah mengesahkan adanya peruntukan wang bagi membiayai tawaran pada 7hb Januari, 1974 dan kontrek ini berjalan mulai 20hb Februari, 1974 hingga 18hb Mac, 1975. Oleh kerana pemasangan lip yang baharu ini memerlukan penggantian alat-alat jentera besar yang hanya didapati dari luar negeri kerja-kerja memasanginya terpaksa memakan masa yang panjang sedikit walaupun usaha-usaha dibuat bagi mempercepatkan kerja-kerja

itu. Bagi makluman Yang Berhormat, tarikh jentera pesawat yang diorder daripada luar negeri dijangka sampai pada akhir tahun ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Lip ialah satu jalan singkat daripada menaik tangga ke atas bangunan yang tinggi, dan banyak kemungkinan berlaku sesuatu kemalangan yang tidak diingini dan sebagainya daripada kerosakan-kerosakan tersebut, apalagi kalau digunakan oleh sebuah hospital, maka kepentingannya mustahak. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara kalau saya tidak salah telah berlaku satu kemalangan kelmarin di Bangunan Federal di mana seorang mata-mata atau seorang manusia telah meninggal dunia kerananya, dan apakah sikap Kerajaan terhadap kemalangan-kemalangan yang berlaku kerana kerosakan lip seperti yang berlaku di Bangunan Federal?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara itu telah berlaku. Sebagaimana yang kita tahu kemalangan seperti itu ialah dengan kehendak Allah juga, tetapi sebagaimana mengikut akhbar lip itu rosak dan masa diperbaiki pintunya terbuka dan dua orang hamba Allah terus pergi ke lip, sebagaimana biasa kita selalu buat—tengok kosong, seorang daripadanya terus masuk, tidak sempat bagi kawannya menahan telah jatuh ke bawah dan meninggal dunia. Pada pendapat saya langkah yang telah lalu itu tidak dapat diperbaiki lagi kerana orang itu sudah mati. Pada masa akan datang saya akan memberi arahan kepada semua pihak yang bertanggungjawab iaitu sekiranya ada kerosakan lip seperti itu hendaklah pintunya ditutup dan kalau tidak hendaklah diadakan kayu halangan supaya jangan orang terjatuh ke dalamnya kerana pada biasanya seseorang yang pergi ke lip itu tidak memandangkan kalau ada notis kecil di atas, terus masuk. Dalam bahasa Inggeris dikatakan trap. Trap yang semacam ini maka bertanggungjawablah tuan punya atas mengganti rugi si mati atau yang cedera. Saya fikir dari segi Undang-undang Civil, kalau tuntutan itu dibuat kepada saya dan kita akan timbangkan perkara itu. Pada masa akan datang kita akan mengambil pandangan berat pada apa-apa yang berlaku ini kerana dengan sebab itu telah ada kehilangan nyawa. Saya memberi jaminan bagi pihak Kementerian yang berkenaan iaitu pada masa akan datang

arahan akan diberi kepada semua pihak janaan ada negligence seperti itu untuk mengelakkan kemalangan itu berlaku lagi pada masa akan datang.

### **BARANG-BARANG KEPERLUAN— KAWALAN HARGA**

**3. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengawal harga barang-barang keperluan tidak lama lagi dan jika ya, apakah barang-barang keperluan yang mungkin terlibat dan bila.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengisytiharkan beberapa jenis barang keperluan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, dan Peraturan-peraturan Periu (Kawalan Bekalan Beras) 1974.

Berasas kepada undang-undang ini, maka tindakan-tindakan telahpun diambil seperti mengawal harga sesuatu barang-barang keperluan itu dan melancarkan Kempen Anti-Sorok. Kerajaan akan terus mengambil apa-apa tindakan yang perlu di bawah undang-undang yang ada ditangannya supaya kedudukan pengedaran tidak terganggu dan harga barang-barang keperluan itu berpatutan dan seterusnya tidak menyusahkan rakyat jelata.

### **RUMAH-RUMAH PEKERJA**

**4. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sungguhpun Kerajaan menggalakkan supaya rumah-rumah buruh di ladang-ladang diperbaiki, tidak ada sebarang tindakan diambil oleh majikan-majikan untuk berbuat demikian ataupun untuk membina rumah-rumah baru menggantikan rumah-rumah sekarang;
- (b) adakah beliau sedar bahawa ada rumah-rumah buruh yang mempunyai sebuah bilik sahaja dan sepuluh orang mendiami bilik itu; dan
- (c) di setengah ladang-ladang pula rumah-rumah pegawai, ada bekalan elektrik tetapi tidak ada bekalan di rumah-rumah buruh; dan

jika sedar, apakah tindakan-tindakan Kerajaan bagi memperbaiki keadaan ini dan untuk memberi layanan yang adil kepada kaum buruh.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan tersebut adalah tidak benar. Dalam tahun 1973 sahaja majikan-majikan telah membina sejumlah 1,307 yunit rumah-rumah pekerja yang baharu dan telah menukarkan sejumlah 116 yunit yang ada untuk membaiki lagi keadaan.

(b) Saya tidak sedar bahawa terdapat keadaan di mana 10 orang terpaksa tinggal dalam rumah-rumah yang berlipat satu. Sekiranya ada, saya berterima kasih sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat membekalkan saya dengan lebih lagi maklumat-maklumat supaya tindakan dapat diambil dalam perkara ini.

(c) Saya sedar bahawa terdapat ladang-ladang tertentu yang tidak membekalkan elektrik kepada tempat-tempat tinggal pekerja-pekerja kerana pembekalan elektrik tidaklah merupakan satu keperluan di bawah undang-undang. Walau bagaimanapun saya suka memaklumkan Dewan ini bahawa sebuah pasukan petugas yang mengandungi wakil-wakil dari sektor awam, badan-badan berkanun seperti L.L.N. dan pengurusan ladang-ladang, lombong-lombong telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun 1973 untuk mengkaji soal pembekalan kemudahan-kemudahan, terutamanya yang tidak terkanun bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong-lombong. Pasukan petugas ini setelah memberi pertimbangan-pertimbangan mendalam telah di antara lain mencadangkan lebih lagi pembekalan-pembekalan seperti elektrik dan bilik air bagi pekerja-pekerja di mana mungkin. Adalah diharapkan supaya pengurusan ladang-ladang dan lombong-lombong akan tidak berapa lama lagi melaksanakan cadangan-cadangan pasukan petugas yang berkenaan yang pada hakikatnya bertujuan mengadakan satu kehidupan baharu bagi masyarakat-masyarakat ladang dan lombong dan untuk menyalurkan mereka ke dalam aliran utama kehidupan sosial dan ekonomi negara kita.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bukan maksudkan bahawa di tiap-tiap ladang di Malaysia ini 10 orang duduk di dalam sebuah bilik, termasuk suami-isteri, anak-anak

yang berumur 18 tahun, tetapi ada ladang di Malaysia yang menempatkan enam atau lapan orang dalam sebuah bilik dan kedatangan anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas. Adakah boleh ditempatkan dalam sebuah bilik? Saya menyokong dasar Kerajaan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat jikalau dapat ditentukan satu dasar yang boleh dibuat dalam dua, tiga ataupun empat tahun untuk majikan-majikan di: estet-estet melaksanakan?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudahpun menjawab. Kita memang menetapkan iaitu ukuran minima bagi tiap-tiap rumah ialah sekurang-kurangnya 260 kaki persegi; tempat tinggal di dalam tiap-tiap unit. Ada juga kita maklum terdapat famili yang lebih. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beritahu dimanakah ada majikan-majikan yang menempatkan sesuatu keluarga seramai 10 orang di dalam sebuah bilik, Kementerian saya menjamin akan menyiasat atas perkara ini.

## HOUSEMANSHIP DOKTOR-DOKTOR DARI INDIA

**5. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa doktor-doktor daripada India dikehendaki menjalani "housemanship" selama setahun di Malaysia padahal mereka telahpun menjalani "Housemanship" selama setahun di India;
- (b) mengapa doktor-doktor daripada negara-negara lain tidak dikehendaki menjalani "housemanship" selama setahun sedangkan doktor-doktor daripada India terpaksa berbuat demikian;
- (c) Adakah beliau sedar bahawa syarat sedemikian telah menimbulkan keraguan terhadap kelulusan doktor-doktor India dan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyingkir keraguan-keraguan tersebut;
- (d) memandang bahawa Ijazah-ijazah Perubatan, Pergigian dan Kedokteran Haiwan daripada Universiti-universiti India adalah diakui Kerajaan, adakah Ijazah-ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Sains daripada Universiti-universiti India juga akan diakui; dan

(e) beri nama Universiti-universiti di India yang ijazah-ijazahnya diakui oleh Kerajaan Malaysia.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) doktor-doktor daripada India dikehendaki menjalani latihan doktor pelatih selama setahun di Malaysia padahal mereka telah menjalani latihan doktor pelatih selama setahun di India ialah kerana Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) ialah kuasa yang menentukan penerimaan atau sebaliknya pengajaran dan latihan siswazah-siswazah di Yayasan-yayasan Perubatan bagi maksud menimbang pendaftaran siswazah-siswazah perubatan sebagai Pengamal Perubatan di bawah undang-undang Malaysia. Jika sekiranya siswazah-siswazah perubatan tidak menjalani satu tempoh latihan doktor pelatih yang dianggap oleh Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) sama setaraf bentuknya, sekopnya dan tempoh masanya setanding dengan apa yang diperlukan di bawah undang-undang Malaysia, maka Majlis Perubatan Malaysia mengkehendaki siswazah-siswazah perubatan itu, termasuklah mereka-mereka yang lulus daripada Barat, Asia Barat, Indonesia, India atau negara-negara lain, menjalani latihan doktor pelatih selama setahun di hospital-hospital yang diakui dalam Malaysia sebelum siswazah-siswazah perubatan itu akan dapat ditimbang untuk pendaftaran penuh sebagai pengamal-pengamal perubatan di Malaysia oleh Majlis.

Mengenai doktor-doktor yang berkelulusan daripada Kolej-kolej Perubatan di India, Majlis Perubatan Malaysia menganggap bahawa 12 bulan "rotating internship" (juga dikenali sebagai "rotating surgency" dan rotating housemanship") di Kolej-kolej Perubatan di India sebagai satu daripada bahagian pelajaran siswazah-siswazah perubatan. Tempoh "rotating internship" juga berbeza dalam cara bentuknya, sekop dan tempoh jangka masanya jika dibandingkan dengan latihan doktor pelatih yang dikehendaki di bawah undang-undang di negeri kita Malaysia. Oleh yang demikian Majlis

Perubatan Malaysia mengkehendaki semua siswazah daripada kolej-kolej perubatan yang diakui di India menjalani 12 bulan latihan doktor pelatih samada di Malaysia atau lain-lain tempat yang mempunyai latihan doktor pelatih sama seimbang dengan cara bentuk, sekop dan tempoh jangka masanya.

Latihan doktor pelatih selama 12 bulan itu adalah merupakan tambahan kepada 12 bulan "rotating internship" yang diakui di India. Selepas itu sahajalah baru siswazah-siswazah perubatan itu boleh ditimbangkan oleh Majlis Perubatan untuk pendaftaran penuh di bawah undang-undang Malaysia sebagai Pengamal-pengamal Perubatan. Walau bagaimanapun siswazah-siswazah perubatan daripada Kolej-kolej Perubatan di India yang telah menjalani 12 bulan latihan doktor pelatih kanan (senior Housemanship) di Kolej-kolej Perubatan yang diakui di India atau di dalam yayasan-yayasan lain yang diakui adalah dikecualikan daripada menjalani latihan doktor pelatih di Malaysia. Saya harap Yang Berhormat faham, tinggi sedikit bahasanya, tetapi jikalau diminta ulangi, saya akan ulangi dalam bahasa Inggeris, tinggi jawabannya.

- (b) Adalah tidak betul dikatakan bahawa doktor-doktor daripada negara-negara lain tidak dikehendaki menjalani latihan doktor pelatih selama setahun sedangkan daripada India terpaksa membuat sedemikian. Maknanya menuduh kita diskriminasi di Malaysia ini. Sebagaimana yang diterangkan terlebih dahulu, jika sekiranya siswazah-siswazah perubatan tidak ada menjalani latihan doktor pelatih bagi satu tempoh yang dianggap oleh Majlis Perubatan Malaysia sama setaraf dalam cara bentuk, sekop dan tempoh jangka masa setanding dengan apa yang diperlukan di bawah undang-undang Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia akan mengkehendaki siswazah-siswazah itu, termasuklah mereka-mereka yang lulus daripada Barat, Asia Barat, Indonesia atau negara-negara lain, menjalani latihan doktor pelatih selama setahun di hospital-hospital yang diakui dalam Malaysia sebelum siswazah-siswazah perubatan itu dapat ditimbangkan oleh

Majlis Perubatan bagi pendaftaran penuh sebagai pengamal-pengamal perubatan di Malaysia.

- (c) Tidak. Keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh Majlis Perubatan Malaysia tidak ada menimbulkan keraguan terhadap kelulusan-kelulusan doktor-doktor India daripada Kolej-kolej Perubatan yang diakui di India. Keperluan-keperluan ini telah diterangkan dalam Dewan Rakyat pada 4-12-73 dan juga telah disiarkan dalam akhbar-akhbar.
- (d) Jawapan kepada soalan ini telahpun dijawab di Dewan Rakyat. Bagi makluman Yang Berhormat, sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa mengenai ijazah-ijazah dan kelayakan yang lain yang tidak diberi iktiraf oleh Kerajaan, penilaian-nilai adalah diberi.
- Yang Berhormat, saya harap pada lain kali, kalau membuat soalan panjang-panjang seperti ini, hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran supaya tidak dicampur-adukkan lima enam soalan dijadikan satu.
- (e) Bagi menjawab pertanyaan ini, saya silakan Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Akta Perubatan 1971, Jadual Kedua, muka surat 34 hingga 38 senarai nama Universiti-universiti di India yang ijazah-ijazah perubatan diakui oleh Kerajaan Malaysia. Saya ada di sini beberapa muka, tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat kita tidak payah saya jawab dan tidak payah disoal mana-mana cara yang ada yang telah digazetkan, atau yang telah dibukukan, sebagai yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara dan saya hendak mendapatkan penjelasan. Soalan saya ialah mengenai pengiktirafan degree negara-negara lain, bukan saya sendiri yang bercakap, tetapi doktor-doktor di Malaysia. Mengapa doktor-doktor yang belajar di India, Indonesia dan Taiwan kalau mereka datang bekerja di sini berlainan dengan doktor dari London, Amerika yang tidak payah ada housemanship selama setahun? Adakah pada ingatan Kerajaan Malaysia terhadap mereka itu berbeza? Saya berikan misalan. Kalau kedua belah mata kita sakit: sebelah mata

kita sapukan dengan minyak sapi, dan sebelah lagi kita sapu dengan minyak tanah, adakah ini patut? (*Ketawa*). Ini berlaku sejak 30-40 tahun dahulu sampai sekarang. Doktor dari India, Indonesia dan lain-lain negeri, adakah degree mereka itu kurang baik ataupun tidak baik? Semua orang bertanya, bukan saya yang bertanya, di mana-mana pun dalam Malaysia ada orang bertanya (*Ketawa*). Doktor-doktor yang lulus dari India mereka sudah buat setahun housemanship, apabila balik ke Malaysia, mereka kena housemanship lagi, mengapakah begitu? Ini hendaklah diterangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan tambahannya?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, semuanya itu sudah saya jawab soalan Ahli Yang Berhormat ini.

Minyak sapi dengan minyak tanah memang tidak sama. Kalau latihan di India housemanshipnya itu tidak sama tarafnya, kandungannya, masanya dengan latihan housemanship di Malaysia, bagaimana hendak diberikan sama pengiktirafan? Itulah sebab minyaknya berlain-lain (*Ketawa*). Inipun bukan Kerajaan yang bertanggungjawab dan bukan Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab, tetapi Malaysian Medical Council yang menjaga kepentingan orang awam di Malaysia yang betul-betul tahu siapa doktor yang tidak boleh prektis di sini atau menjalankan kerjanya dengan puas hati. Sekiranya ada apa-apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang dengan kurang kebolehan atau pengalaman (*experience*) maka Malaysian Medical Council akan dituduh pula oleh rakyat jelata menerima doktor yang tidak cukup latihan. Walau di India sekalipun, saya sudah terangkan di sini, yang latihan pertama itu bukan real housemanship, is only part of it, dan kebanyakan dari doktor-doktor dari India sebelum dilatih ditambah setahun lagi dan digelar senior housemanship. Kalau dia sudah ada senior housemanship, maka Malaysian Medical Council menerima extra setahun itu sama dengan taraf kita di sini, bermaknanya itu tidak cukup latihan.

Demikian juga kalau seseorang itu berke-lulusan lawyer, kalau sudah ada degree sekali pun, kalau tidak cukup latihannya, Bar

Council tidak boleh terima juga. Bagaimana kalau seseorang itu tidak cukup latihan hendak diberi?

Tentang ijazahnya, kita terima. Saya harap Yang Berhormat itu faham.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Saya mengucapkan terima kasih. Satu soalan yang saya hendak bertanya. Doktor tambahan dari Egypt, saya dapat tahu mereka tidak payah dikenakan housemanship di dalam Malaysia, mereka terus datang dan bekerja. Apakah sebabnya ada perbezaan ijazah daripada India dan Egypt?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Sebab Malaysian Medical Council dan Kementerian Kesihatan telah mensifatkan kebolehannya itu sama setaraf dengan doktor di sini. Doktor dari India yang baru lulus setahun sebagai doktor latihan adalah tidak layak (*Ketawa*). Itulah sebabnya.

#### WARGANEGARA ASING BERMAS-TAUTIN DI MALAYSIA

6. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan warganegara-warganegara asing yang bermastautin di Malaysia sekarang ini seperti berikut:

- (i) Warganegara Singapura
- (ii) Warganegara India
- (iii) Warganegara Sri Lanka
- (iv) Warganegara Lain

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dan juga kepada Yang Berhormat kerana perkara ini sedang giat diproses dan insya Allah apabila butir-butir ini dapat disenaraikan, saya akan mengirimkan kepada Yang Berhormat dan juga kepada Dewan ini angka-angka yang dikehendaki itu.

#### BAJU KURUNG PAKAIAN SERAGAM

7. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perlunya ditukar pakaian seragam murid-murid Sekolah Menengah Perempuan sekarang kepada baju kurung.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak memaksa murid-murid Sekolah Menengah

Perempuan menukar pakaian seragam kepada baju kurung. Bagi murid-murid yang beragama Islam mereka dibenarkan memakai baju kurung dan sarung sekiranya ibubapa mereka berkehendakan demikian dengan tidak payah meminta kebenaran guru besar seperti dimasa sudah.

**Datuk Nik Hassan bin Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sekiranya tidak memaksa dan mengikut suka ibubapa kenapakah perkara ini timbul?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, timbulnya perkara itu dengan sebab ada sungutan daripada ibubapa apabila mereka meminta kebenaran memakai baju kurung bagi anak-anak mereka, setengah guru besar tidak membenarkan. Jadi dengan sebab itu, saya mengeluarkan arahan tak payahlah meminta kebenaran guru besar lagi bagi murid-murid Islam Tingkatan IV keatas kalau hendak memakainya.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, menurut kenyataan akhbar yang pertama untuk orang ramai, kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ialah merupakan sebagai satu rule kepada sekolah-sekolah iaitu murid-murid boleh memakai baju kurung sebagai pakaian seragam. Kemudian keluar satu kenyataan lain pula iaitu murid-murid boleh memilih pakaian baju kurung atau bukan baju kurung. Pada pandangan saya ada lebih baik ditentukan baju kurung ataupun pakaian biasa yang selama ini digunakan kerana itu lebih merupakan pakaian yang sama dan itu merupakan identiti yang baik. Tentukan dengan tegas jangan campur-aduk macam rojak sahaja.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, apakah soalan tambahannya?

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalnya adakah Kerajaan hendak tegas betul-betul pakaian sama di sekolah ataupun biarkan murid-murid itu memakai apa yang mereka suka bererti tidak ada uniform di sekolah.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, uniform memang sudah ada dan warna uniform itu serupa semuanya di sekolah menengah dan di sekolah rendah. Cuma bagi setengah-setengah sekolah me-

makai baju kurung dan setengah sekolah tidak memakai baju kurung. Itu sahaja perbezaannya, ini sudah uniform.

## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI BANGI

**8. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Universiti Kebangsaan akan dibina di Bangi.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja untuk membina kampus baru Universiti Kebangsaan di Bangi telahpun dimulakan mengikut jadual dan peringkat pertama dijangka siap pada tahun 1976.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zail daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga." (13hb Mei, 1974).

*Perbahasan disambung semula.*

3.03 ptg.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya kelmarin di mana saya telah menyatakan kegembiraan kita terhadap keutuhan dan kukuhan Kerajaan yang ujud sekarang ini dengan lahirnya apa yang digelar dengan National Front atau Barisan Kebangsaan yang mana lebih membayangkan harapan-harapan yang cerah kepada masa hadapan bagi kukuhan dan kesetabilan politik dan ekonomi di negara ini, dan di mana akan

lebih menjamin kesempurnaan daripada rancangan-rancangan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya di bawah Dasar Ekonomi Baru. Lahirnya Barisan Nasional itu merupakan satu pukulan hebat kepada golongan-golongan yang hendak memecah belahkan rakyat ini dari berbagai-bagai pihak dan golongan, berbagai-bagai ideologi politik yang sengaja diadakan atau diimpot dari luar negeri untuk meragu-ragukan fikiran rakyat tentang konsep kehidupan politik mereka pada masa hadapan. Kelahiran Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu barisan yang tidak pernah ujud sebelumnya dan ini seperti yang saya katakan tadi membayangkan masa hadapan negara kita yang lebih cerah di dalam bidang politik dan ekonomi negara.

Kita akan hanya dapat melihat gejala dan anasir-anasir anti-nasional itu bila lahirnya atau ujudnya pilihanraya yang akan datang dan gejala-gejala anti-nasional bukan hanya ujud di dalam parti politik, tetapi juga menyeludup masuk ke dalam anasir-anasir subversif, tenaga-tenaga yang hendak mengharu-birukan dan hendak mengacau-bilaukan negara kita ini supaya lebih mirip atau lebih cenderung kepada kehancuran daripada kemajuan seperti yang dilakukan oleh gerombolan-gerombolan komunis di beberapa tempat di negara kita ini. Ini sebagai satu probokasi terhadap rakyat dan sebagai satu cara hendak memperkukuh kedudukan mereka itu di dalam negara kita ini di dalam perkembangan politik kita. Kita tahu, komunis merupakan satu ideologi politik dan idoloji politik ini bukanlah sesuatu hal yang terlalu mudah untuk dihapuskan di dalam hati, fikiran dan pandangan seseorang yang telah menganutinya. Walau bagaimanapun, ideologi komunis adalah bertentangan secara langsung dengan ideologi ketuhanan di mana ketuhanan merupakan konsep utama Rukunegara kita. Untuk menghadapi gerakan ideologi komunis secara kontan ialah dengan memperdalam kerohanian dan keyakinan kita kepada Tuhan, mempertebal nilai-nilai budi dan akhlak kepada rakyat kita sendiri, dan mempertingkatkan kehidupan mereka dengan pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi baru itu. Saya rasa dengan cara demikianlah, lahir dan batin dapat kita menyerang dan dapat kita menghapuskan fahaman-fahaman komunis. Bagi kaum komunis ataupun kaum daripada parti komunis yang telah kita

haramkan di negara kita ini mengambil kesempatan agaknya dengan dasar kita sendiri ataupun dengan cadangan serta azam Kerajaan kita hendak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Komunis Cina tidak beberapa lama lagi, dan ini akan mereka gunakan sebagai satu alat betapa ideologi mereka itu diakui. Tetapi seperti yang pernah kita dengar, dan pernah kita ikuti penerangan yang diberikan oleh pihak Kerajaan ialah sekalipun kita mengadakan hubungan diplomatik dengan negara komunis bukanlah ertinya kita mengakui kegiatan komunis di negara kita. Dengan lain-lain perkataan, mereka mempunyai hak mereka sendiri, dan kita mempunyai hak kita sendiri. Mereka tidak boleh campurtangan urusan dalam negeri kita dan kita pun tidak boleh campur tangan dalam urusan mereka. Maka di atas konsep ini kita dapat mengakui ujudnya sesuatu negara walau apapun bentuk ideologi yang difahami dan dianuti oleh mereka. Atas konsep ini juga kita mengakui ujudnya komunisem di dunia ini, kita tidak mahu melibat komunisem di negara kita yang telah menjadikan kita hidup merana beberapa tahun di dalam masa dharurat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, fahaman yang seperti ini, pada fahaman saya patut ada perimbangannya, ada cara bagaimana kita hendak mengatasinya, cara hendak mengatasinya ialah dengan diberikan pelajaran-pelajaran ketuhanan kepada sekolah-sekolah. Kepada Kementerian Pelajaran saya berharap supaya pelajaran agama itu dijadikan mata pelajaran yang wajib, atau pelajaran akhlak budi pekerti dijadikan mata pelajaran yang wajib kepada pelajar-pelajar, murid-murid sejak daripada bangku sekolah rendah sampai kepada menengah dan sekarang ini kita telahpun menjadikan satu mata pelajaran atau fakulti di dalam Universiti kita iaitu Pengajian Islam. Kalau sekiranya ini berjalan dengan begitu sempurna dan teratur, saya rasa ini merupakan senjata yang maha besar untuk melawan "communism" di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada soal akhlak dan budi pekerti ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan tentang kedudukan Perguruan Tinggi Islam Nilam Puri dan Politeknik Ungku Omar kepada status yang lebih menggembirakan

dan menggalakkan. Di dalam Rencana Pengarang Utusan Melayu tanggal 12hb Mei yang baru lalu, Rencana Pengarang ini telah mengulas tentang Nilam Puri dan Politeknik Ungku Omar. Sekali pun Rencana Pengarang ini dibaca oleh orang yang pandai membaca tulisan Jawi sahaja, dan ada setengah orang yang intelek tidak pandai baca tulisan Jawi, kerana tulisan Jawi dibaca oleh kaum yang tidak intelek, maka saya suka membacakan, Tuan Yang di-Pertua, isi daripada Rencana Pengarang yang tidak dibaca oleh setengah-tengah orang yang tidak tahu membaca tulisan Jawi, sebahagiannya, supaya dia dapat dijadikan panduan juga atau saranan yang dibuat oleh Rencana Pengarang ini dapat difahami ataupun dijadikan panduan juga sebanyak-sedikit.

Di antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Rencana Pengarang *Utusan Zaman*, maaf saya, Ahad 12hb Mei itu beliau telah menyentuh tentang Yayasan Nilam Puri yang kemudiannya nanti akan berjalan sebagai suatu Kolej Universiti di bawah Universiti Kebangsaan. Rundingan-rundingan sedang berjalan sekarang di antara Yayasan Nilam Puri itu dengan Universiti Kebangsaan untuk menyediakan butir lanjut pelaksanaan rancangan itu. Perkara yang penting ditekan oleh Rencana Pengarang *Utusan Zaman* itu ialah keputusan ini menjadi lebih penting lagi kalau dapat diwujudkan, katanya, dan perlukan penelitian halus kerana dibuat ketika satu keputusan muktamad dari Kerajaan mengenai kedudukan I.T.M. masih belum diumumkan lagi. Tujuan daripada Rencana Pengarang ini pada faham saya ialah supaya disediakan segala alat-alat, sebelum sesuatu yayasan ataupun perguruan itu diiktiraf, dinaikkan statusnya daripada keadaan yang sekarang kepada Kolej, Universiti misalnya. Rencana Pengarang ini mengkhawatiri, berlakunya sesuatu yang tidak diingini di dalam perguruan tinggi seperti yang berlaku di I.T.M. baru-baru ini. Jika segala kekecohan boleh difikirkan, katanya, dari sekarang dan langkah-langkah mengatasi dimasukkan ke dalam rancangan pelaksanaannya, besar kemungkinan sebarang kejadian yang tidak diingini seperti yang berlaku di dalam I.T.M. baru-baru ini tidak berulang.

Di antara perkara yang perlu diteliti selain daripada kelayakan seseorang itu untuk masuk ke dalam perguruan itu, soal yang penting ialah soal disiplin di dalam

institusi itu seperti I.T.M., Institiut Teknologi MARA, tentang akhlak, tentang disiplin pelajar-pelajar itu. Kalau ini diambil sambil lewa sahaja tidak dimulakan dari sekarang memikirkannya, maka ia nanti akan menjadi perkara yang susah hendak diselesaikan. Sebab seperti I.T.M., anak-anak itu ialah anak-anak yang baru keluar dari sekolah berkelulusan S.P.M., umurnya barangkali tidak lebih daripada 18 tahun atau 17 tahun dan anak-anak yang 17 tahun ini kalau dikenakan disiplin saya rasa mereka akan jadi manusia yang baik. Tetapi kalau masa anak ini 17 tahun dibiarkan begitu sahaja dia akan menjadi manusia jalang, manusia yang tidak berketentuan. Seperti contoh, Tuan Yang di-Pertua, manakala pelajar-pelajar di Universiti misalnya, ataupun di I.T.M. mula masuk, mereka dikenakan apa yang dinamakan "ragging" dan ada yang dikenakan pakai baju-begini, pakai tutup kepala-begini, rambut begini, cukur, mereka ikut perintah itu, ikut sehingga kita tengok pelajar-pelajar baru di I.T.M. atau di Universiti cantik, comel sebab rambutnya pendek, seluarnya bagus, kepalanya bertutup dan sebagainya, tetapi pelajar ini juga setelah masuk ke tahun yang kedua kerana tidak terikat dengan disiplin sudah keluar daripada jangka yang kita harap. Maka terbiarlah mereka, bukan sahaja akhlak dan perangainya terbiar, rambut juga terbiar, tukang cukur tidak digunakan di sana untuk mencukur kepala, maka sampailah rambut ke bahu. Jika kita dari belakang melihat tidak tahu manakah yang lelaki dan manakah yang perempuan. Kalau ini kita biarkan, maka akhlak anak-anak itu akan rosak. Kerosakan akhlak mereka bukan patut mereka pikul tetapi kita yang pikul, orang yang bertanggungjawab di I.T.M. itu yang memikulnya, orang yang bertugas di situ, orang yang mengadakan disiplin, orang yang bertanggungjawab, itu orang yang bertanggungjawab bukan sahaja kepada rakyat, tetapi juga kepada Allah subhanahuwata'ala, merekalah yang bertanggungjawab. Kalau mereka mengadakan peraturan-peraturan, disiplin yang baik, saya tidak syak lagi bahawa anak-anak kita akan menjadi manusia yang baik dan berakhlak yang baik. Apa yang menyedihkan kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, I.T.M. itu sekarang ini telah ditutup buat sementara waktu, dan bilakah dia hendak dibuka tidaklah saya tahu, tetapi Rencana Pengarang *Utusan Melayu* ini juga menyebut "Bila I.T.M. dibuka semula"

tulisan besar-besar dibuat dalam tulisan Jawi semua sekali, kerana saya ada membaca dalam suratkhobar. ada pegawai kita yang tidak tahu membaca tulisan Jawi.

Tuan Yang di-Pertua, ibubapa murid-murid kita berharap sangat supaya I.T.M. ini dibuka semula dengan seberapa segera yang boleh. Janganlah sampai mereka menanggung penderitaan pada masa hadapan mereka. Kita sebagai ibubapa patutlah juga menimbangkan masalah ini masak-masak, siapa yang tidak bersalah, siapa yang tidak berdosa, bumi mana yang tidak ditimpa hujan, kesalahan mana yang tidak dapat kita selesaikan. Kalau kita sanggup berhadapan dengan satu kenyataan, maka dengan segala lapang dada kita akan membuka I.T.M. dan harapan dari suara kita, suara rakyat dan juga suara suratkhobar Melayu ini dapat dipakai dengan menggunakan disiplin-disiplin yang lebih ketat kepada pelajar-pelajar kita ini. Seperti yang kita tahu ibubapa sebenarnya tidak suka melihat anak-anak mereka tinggal di rumah tanpa tujuan. Umurnya bertambah dan besarnya juga bertambah tetapi mereka tergendala. Melalui suara yang disampaikan oleh Rencana Pengarang Utusan Melayu ini, saya menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan di I.T.M. supaya I.T.M. itu dibuka semula secara berperingkat-peringkat, katanya. Seperti yang dibuat oleh pengumuman I.T.M. memanggil semula pelajar-pelajar tahun akhir bagi kursus akademi yang penting-penting dahulu adalah wajar. Pelajar-pelajar ini sebenarnya tidak punya waktu yang cukup dan panjang bagi menamatkan pelajaran mereka. Rayuan daripada ibubapa ini patutlah juga ditimbangkan dengan seberapa segera yang boleh supaya I.T.M. tidak cemar namanya dan kalau dia cemar yang akan memikungnya ialah kita, kerana wujudnya I.T.M. ialah untuk kepentingan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan soal pelajar ini juga, saya menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang kelayakan seseorang yang boleh masuk ke asrama penuh di sekolah-sekolah menengah. Saya terbaca di dalam satu berita di *Utusan Melayu*, yang antara lain berbunyi:

“Noraziah Gagal ke Sekolah Berasrama Penuh.” Dan ini ditulis dari Kuala Kangsar:

“Seorang murid yang cerdek di Sekolah Kebangsaan Kampung Perak, Noraziah bte Mohd. Nor tidak terpilih

ke Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Dia mendapat 4A dan 1B dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V pada tahun 1972 yang lalu. Noraziah mendapat A Bahasa Malaysia Sains, Bahasa Inggeris dan Kertas Am Ilmu Alam dan Tawarikh dan mendapat B dalam mata pelajaran Ilmu Hisab. Ia juga pelumba lari jarak dekat yang mana berjaya mendapat pingat emas dalam perlumbaan 200 meter Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia yang diadakan di Kuala Trengganu pada tahun 1973. Bapanya Mohd. Nor bin Ahmad seorang penoreh getah menyatakan sedih kerana anaknya tidak terpilih ke Sekolah Berasrama Penuh. Sebaliknya, kata beliau saya terbaca dalam akhbar Utusan Pelajar, murid yang lulus 3A dan 2B pun terpilih ke Sekolah Berasrama Penuh. Noraziah adalah anak sulungnya dari empat orang anak yang kini bersekolah.”

Apa yang menarik perhatian saya sekarang ini dasar Kerajaan, Kementerian Pelajaran tentang pengambilan murid-murid ke sekolah menengah di mana mereka akan diasramakan ke asrama penuh. Kalau ini sebagai satu contoh dari satu kampung yang jauh daripada bandar berlaku seperti ini dan banyak yang berlaku, saya khuatir bahawa perimbangan kita akan jadi tidak sempurna. Saya menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya disiasat perkara ini kenapa pelajar ini tidak dapat diterima ke asrama penuh dan diberi alasan-alasan yang menasabah bahkan oleh kerana ia orang kampung atau ia tidak mempunyai apa-apa pangkat, maka dia disingkirkan atau diketepikan. Saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengamati-amati soal yang seperti ini kerana ini merupakan satu soal yang sangat sensitif kepada orang-orang kampung di mana mereka tahu kepada pentingnya pelajaran zaman sekarang. Saya suka menyentuh soal peniaga-peniaga kecil di mana di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda ada menyebutkan bahawa:

“Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan dan memperluaskan usaha-usahanya melalui ajensi-ajensi Kerajaan iaitu MARA, PERNAS, UDA dan lain-lain untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.”

Dengan lain perkataan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang hendak meletakkan kedudukan orang Melayu di dalam bidang perusahaan dan perdagangan 30% dalam tempoh 20 tahun yang akan datang. Dalam soal ini orang yang menjadi pedagang-pedagang besar tidak banyak jumlahnya daripada golongan bumiputra walaupun ada, tetapi mungkin golongan itu tidak banyak. Melainkan golongan-golongan peniaga-peniaga Melayu atau bumiputra ini terdiri daripada peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga kecil inilah yang patut digalakkan, golongan-golongan inilah yang patut diberikan kemudahan-kemudahan. Masalah mereka bagaimana hendak mendapat kemudahan bank misalnya, sungutan peniaga-peniaga terhadap dasar red tape Bank Bumiputra baru-baru ini adalah hal yang perlu dipecahkan. Rupanya di dalam keterangan Rencana Pengarang *Utusan Melayu* ini juga ada menyebutkan tentang red tape yang ada di Bank Bumiputra, tentang harapan daripada peniaga-peniaga kecil yang hendak mendapat bantuan daripada bank tersebut. Peniaga-peniaga itu bersungut adalah mereka yang sudah mendapat tender berpuluh-puluh ribu dan bagaimana ia peniaga-peniaga kecil yang berhajatkan bantuan sedangkan pusingan perniagaan mereka \$2-3 ribu sahaja. Kalau perniagaannya dengan dapat tender \$20-30 ribu, pusingannya hanya \$2-3 ribu maka kemudahan mereka ini harus ditolong oleh bank. Tetapi kalau bank menggunakan red tape yang terlalu lama apalagi kalau bank itu dinamakan Bank Bumiputra, maka saya tidak nampak bagaimana kita dapat mengisi kekosongan ataupun mengisi 30% pada masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan kelmarin menyebut tentang MIDF, yang pertama menyahut dasar Kerajaan, patutlah suatu tindakan diperbuat. Tindakan-tindakan ini lebih berguna kalau sekiranya tindakan itu mendatangkan faedah bagi mencapai dan menyempurnakan tuntutan Dasar Ekonomi Baru. Dalam seminar-seminar yang dianjurkan bersama oleh MARA dan apa lagi badan-badan yang lain saya tidak nampak bahawa seminar-seminar sahaja boleh menolong mereka itu dengan tidak dilaksanakan dengan kerja dan praktikal. Kalau kita cakap hendak menolong orang-orang sahaja dengan tidak kita buat, maka kita akan dituduh orang.

Di dalam seminar yang seperti ini MARA adalah sangat berfaedah. MARA di dalam soal ini banyak memberikan bantuan-bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, tetapi kita tidak dapat hendak menyalahkan MARA sahaja sedangkan peniaga-peniaga kecil kita pun ada yang cabut tidak mahu membayar hutangnya terhadap MARA dan kadang-kadang terpaksa di bawa ke dalam Mahkamah misalnya. Jadi perimbangan kita kalau sekiranya kita hendak menjadi seorang peniaga yang betul-betul, kalau bank sanggup memberikan kredit kepada peniaga-peniaga kecil, maka peniaga-peniaga kecil juga patutlah berdiri di atas kakinya sendiri dan sanggup menunaikan janji-janjinya sebagai orang yang benar-benar hendak mencampuri urusan perniagaan ini. Oleh kerana itu, seperti yang saya katakan tadi ada beberapa hal yang merintang perjalanan kita di hadapan dan rintangan-rintangan yang seperti ini oleh Kerajaan harus diatasi dengan sebaik-baiknya dan sempurnanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh sedikit sahaja lagi tentang inflasi yang saya sebutkan kelmarin di mana Kerajaan telah memberi bantuan subsidi gula, beras dan sebagainya bagi meringankan beban rakyat. Ada lagi cara Kerajaan hendak menolong rakyat selain daripada subsidi yang disebutkan yang telah berjalan sekarang ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Cara Kerajaan hendak menolong rakyat iaitu menimbangkan usul atau menimbangkan pendapat-pendapat Wakil-wakil Rakyat atau Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini atau di dalam keputusan mesyuarat-mesyuarat parti-parti politik terutamanya parti Kerajaan tentang rayuan mereka kepada Kerajaan mengkaji semula tentang cukai pendapatan dan kalau ini ditimbangkan oleh Kerajaan ini merupakan satu subsidi juga kepada rakyat, kepada orang ramai.

Ada usul-usul yang dikemukakan kepada Kerajaan supaya merengankan cukai pendapatan. Kerenganan ini akan disambut baik oleh orang ramai terutama sekali oleh orang-orang yang makan gaji misalnya. Usul-usul atau fikiran-fikiran daripada orang ramai, daripada parti politik Kerajaan, Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara meminta Kerajaan menentukan semula kadar atas

pendapatan yang boleh dicukai dari \$2,000 kepada \$3,000 misalnya. Sekarang seseorang itu boleh dilepaskan cukainya \$2,000 bagi seorang suami dan \$1,000 bagi seorang isteri. Apa salahnya Kerajaan sekarang menaikkan kadar itu dari \$2,000 kepada \$3,000 kerana \$2,000 kalau betul-betul makan dalam setahun tidak mencukupi, lebih-lebih lagi dalam zaman inflasi ini dan usul ini dikemukakan oleh parti-parti politik Kerajaan, UMNO misalnya supaya menentukan semula kadar atas pendapatan yang boleh dicukai dari \$2,000 sekarang kepada \$3,000 bagi suami. Naikkanlah dari \$1,500 kepada \$2,500 bagi isteri manakala kelepasan cukai anak pertama dari \$750 kepada \$1,500 dan anak kedua dan ketiga dari \$500 kepada \$1,000.

Saya rasa kalau ini ditimbang oleh Kerajaan inipun merupakan subsidi juga kepada rakyat terutama sekali kepada orang-orang yang membayar cukai sebab orang-orang yang membayar cukai sekarang inilah nampaknya bertambah beban mereka itu. Rayuan ini dibuat memandangkan kesan hebat ke atas rakyat berikutan dengan masalah-masalah kenaikan harga barang iaitu inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian supaya Kerajaan benar-benar dapat menimbang soal ini supaya tidak banyak sekali kita mendengar masalah ini dibincangkan panas-panas di dalam rapat-rapat, di dalam mesyuarat-mesyuarat dan soal cukai pendapatan bagi Pegawai-pegawai Cukai Pendapatan inipun patutlah lebih banyak menggunakan pemikiran yang ikhlas serta bertimbang rasa kepada pembayar-pembayar cukai. Misalnya saya dikenakan cukai \$2,000 setahun. Saya tidak sanggup membayar \$2,000 setahun sekali gus tetapi saya hantarkan cek saya misalnya \$250 sebulan untuk dibayar selama 10 bulan. Apa yang berlaku ialah Pegawai Kanan itu hantarkan cek itu balik: Awak mesti bayar dalam tempoh 4 bulan atau 2 bulan atau 3 bulan. Terima balik cek awak. Awak mesti bayar dalam tempoh 4 bulan. Sedangkan dia telah mengatakan: Saya tidak sanggup membayarnya. Bukan tidak hendak membayar tetapi tidak sanggup membayar sekali gus begitu tetapi masih dibayar dalam lingkungan tahun tersebut. Apa yang berlaku ialah kekerasan mungkin berlaku di antara pembayar cukai dengan Pegawai-pegawai Cukai Pendapatan. Kerana itu saya merayu

kepada Pegawai-pegawai Cukai Pendapatan menimbang masalah ini bahawa seseorang yang membayar cukai itu dia tidak lewat daripada tahun yang dikenakan dia membayar. Kalau lewat pun dikenakan bunga tidak mengapalah juga tetapi baiklah ditulis dengan bahasa yang baik, bahasa yang boleh diterima dengan sempurna. Perkara-perkara yang seperti inilah yang boleh mendatangkan harmuni, kasih sayang di antara rakyat dengan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya rasa itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas tentang Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda dan banyak-banyak hal biarlah saya serahkan kepada kawan-kawan saya tetapi sekali lagi saya menyokong usul ini dan kepada Tuhan kita berserah supaya Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan Dasar Ekonomi Baru menguntungkan rakyat di negara kita.

3.55 ptg.

**Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan penghargaan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan pembukaan Dewan Rakyat yang lalu. Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah menggambarkan dengan jelas usaha giat Kerajaan dalam usaha membentuk masyarakat baru menerusi berbagai bidang. Rakyat adalah berbangga dengan projek-projek yang sedang direncana dan dilaksanakan sekarang ini dan kita berharap dengan kerjasama rakyat sendiri maka segala projek-projek Kerajaan itu akan berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan Pusat bersetuju memperuntukkan bantuan tertentu kepada negeri-negeri yang berkurangan wang setelah menimbang keadaan sumber-sumber kewangan negeri-negeri yang berkenaan dengan tidak pula semestinya bergantung kepada jumlah penduduk sesebuah negeri adalah dialu-alukan. Bagaimanapun di samping pertimbangan itu Kerajaan juga perlu memberi penekanan terhadap aspek-aspek yang lebih mendesak seperti keadaan-keadaan berikut:

- (1) Bahawa sesebuah Negeri itu masih baru dalam bidang pembangunan dari segi sejarah kemerdekaannya yang

perlu disejajarkan dengan wilayah-wilayah lain yang telah lebih maju.

- (2) Bahawa keperluan itu dikehendaki atas desakan rancangan pembangunan yang lebih penting terutama sekali bagi faedah rakyat yang masih mundur di kawasan-kawasan bandar.

Sehubungan dengan hal ini, Sabah adalah salah sebuah Negeri yang baru di bidang pembangunan. Meskipun Negeri ini mempunyai jaminan masa depan sumber-sumber ekonomi yang kukuh dan sekarang sedang menghadapi pembangunan yang begitu pesat tetapi ditinjau dari segi pelajaran, perhubungan, kesihatan, kemasyarakatan dan juga kebudayaan, Negeri Sabah masih memerlukan perhatian yang lebih berat lagi dari Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai satu taraf pembangunan yang begitu mengagumkan dalam berbagai bidang dengan pertolongan kekuatan sumber-sumber kewangan Negeri itu sendiri tetapi ini tidak seharusnya dijadikan alasan bahawa Negeri itu kurang memerlukan bantuan yang lebih besar daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita telah melawat ke Sabah dan saya percaya Kementerian yang berkenaan sedang mengambil tindakan-tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah pelajaran di Negeri Sabah. Mungkin ada lagi masalah yang tercicir yang perlu saya kemukakan kepada Kementerian yang berkenaan:

- (1) Beberapa buah bangunan sekolah telah reput termasuk Maktab Perguruan Kent di Tuaran yang perlu diperbaiki atau dibaharui. Di samping itu beberapa buah sekolah di kawasan luar bandar berlubang-lubang dan bocor yang mengganggu kententeraman murid-murid belajar.
- (2) Masih ada sekolah-sekolah rendah yang tidak mempunyai tandas dan taman permainan yang lebih sempurna.
- (3) Terdapat juga sekolah-sekolah rendah kurang bangku atau bangkunya sudah terlalu tua, kurang alat-alat pentadbiran pejabat di samping alat-alat permainan kesukanan. Ada pula guru-guru bersungut kerana terpaksa menggunakan wang dari saku sendiri untuk melengkapi alat-alat sekolah, tetapi berapa

ramaikah guru-guru sanggup berbuat demikian dalam zaman inflasi ini?

- (4) Paling tidak menyenangkan lagi bahawa guru-guru adalah golongan yang bernasib malang yang tidak boleh duduk tetap dan pasti tidak dapat memiliki rumah sendiri seperti yang dinikmati oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain. Di Sabah pula ramai guru-guru yang terpaksa tinggal menumpang di rumah orang di kampung-kampung jauh dari sekolah malahan ada pula yang menumpang di bilik-bilik kecil lorong kedai atau di pondok-pondok buruk. Keadaan yang berlaku di zaman penjajah ini tidak seharusnya berlaku lagi di zaman ini.

Segala masalah yang saya sebut itu adalah merupakan gejala-gejala yang melemahkan semangat belajar di kalangan murid-murid dan sentiasa mengganggu fikiran guru-guru yang menyebabkan ramai daripada mereka enggan bertugas di kawasan luar bandar malahan ada yang berpaling tadah keluar dari lapangan guru yang kesudahannya merumitkan lagi masalah kekurangan guru-guru di Negeri Sabah.

Demi kepentingan memajukan lagi taraf pelajaran di Negeri Sabah, saya mengusulkan kepada Kementerian Pelajaran memberi perhatian berat juga terhadap perkara-perkara berikut:

- (1) Menghantar guru-guru ilmu Hisab dan sains yang berpengalaman dari Semenanjung Malaysia untuk mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan di Sabah. Adalah dipercayai bahawa ramai penuntut-penuntut gagal dalam peperiksaan S.R.P. dan L.C.E. dalam tahun 1973 antara lain ialah oleh kerana kekurangan guru-guru ilmu hisab dan sains yang lebih berpengalaman.
- (2) Melaksanakan sistem gaji guru-guru besar di sekolah-sekolah di Sabah sebagaimana terdapat di Semenanjung Malaysia.
- (3) Sekolah-sekolah rendah Kerajaan di Sabah diberikan sekurang-kurangnya seorang pekebum atau pembersih dalam dan luar sekolah sebagaimana yang terdapat di Semenanjung Malaysia.
- (4) Mengadakan lebih banyak rumah-rumah guru, mengatasi kekurangan-kekurangan sekolah dan sebagainya.

- (5) Mengikhtikarkan cara yang lebih praktikal supaya pembayaran tunggakan gaji guru-guru di Sabah dapat diselesaikan secepat mungkin. Kerajaan Negeri telah berusaha sedaya upaya dalam hal ini hingga selesainya masalah kenaikan gaji guru-guru di negeri itu tetapi hingga sekarang masih ramai guru-guru bersungut kerana terlalu lambat menerima tunggakan gaji mereka. Saya berharap Kementerian yang berkenaan tidak terlalu mengharap kepada Kerajaan Negeri menyelenggarakan pembayaran itu tetapi perlulah berikhtiar sedaya upaya supaya pembayaran itu tidak terlalu lambat yang merusnangkan fikiran guru-guru yang sudah berubar sekian lama itu. Kementerian berkenaan harus melibatkan diri lebih serius dalam hal ini.

Jalanraya masih menjadi masalah perhubungan di Negeri Sabah. Walaupun sejak beberapa tahun kebelakangan ini beberapa batang jalanraya telah dibina termasuk Lebuhraya Kota Kinabalu—Sandakan tetapi sebenarnya masih banyak jalanraya belum dibubuh tar. Keadaan jalanraya yang hanya dibubuh batu-batu kecil dan tanah kuning adalah tidak ekonomik oleh kerana memerlukan perbelanjaan yang besar bagi memperbaikinya sahaja dari semasa ke semasa kerana rosak atau runtuh oleh hujan ataupun kenderaan-kenderaan berat. Jalanraya-jalanraya seumpama ini patut dibubuh tar secepatnya walaupun menelan belanja yang besar dalam tempoh yang pendek tetapi dapat mengelakkan berbelanja yang lebih besar dalam tempoh yang lama bagi "maintainance" jalanraya-jalanraya yang belum bertar. Adalah diharapkan Kerajaan Pusat dapat bersama-sama memberi perhatian berat dalam hal ini melihat kepada keluasan Negeri Sabah yang memerlukan kemudahan perhubungan yang lebih segera sesuai dengan kecepatan keperluan pembangunan dalam semua bidang.

#### *Penubuhan Cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka di Sabah.*

Tidak berapa lama dulu saya terbaca laporan akhbar-akhbar tempatan bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengkaji cadangan penubuhan Cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka di Negeri Sabah. Perlulah saya jelaskan di sini bahawa Sabah adalah merupakan negeri yang begitu hebat

perkembangannya dalam bahasa dan tidak kurang kemajuan bidang penulisannya tetapi malangnya tidak mempunyai badan penerbitan semi-Kerajaan yang bertanggungjawab tentang perkembangan bahasa dan kesusasteraan yang menjadi masalah penting dalam pembentukan masyarakat baru hari ini kecuali sumbangannya kepada Biro Kesusasteraan Borneo yang berpusat di Kuching, Sarawak. Sudah sekian lama keadaan di Negeri Sabah sangat memerlukan badan seumpama ini bukan sahaja bagi kepentingan perkembangan bahasa dan sastera malahan dapat membantu mengatasi masalah-masalah kekusutan mendapat buku-buku pelajaran atau buku-buku pendidikan tambahan. Adalah diharapkan yang Kementerian Pelajaran tidak akan teragak-agak bagi menubuhkan cawangan tersebut di Sabah dengan secepat mungkin. Dalam hal ini saya berharap Kementerian Pelajaran tidaklah mengambil keputusan yang terlalu memberatkan sangat masalah perniagaan tetapi hendaklah ditekankan masalah perhatian rakyat di Sabah terhadap kedaulatan Bahasa Malaysia dan kesusasteraannya.

#### *Masalah Hak Cipta*

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama GAPENA (Gabungan Penulis-penulis Nasional) telah menganjurkan Simposium Hak Cipta dan keputusannya perwakilan GAPENA akan berunding dengan Peguam Negara. Simposium ini diadakan adalah berpunca dari rasa tidak senang dikalangan pencipta-pencipta terhadap perbuatan-perbuatan melanun hak cipta di negara ini yang tidak menerima hukuman yang setimpal mengikut perasaan yang berhak iaitu para pencipta. Mengikut sungutan-sungutan penulis yang saya dengar bahawa begitu banyak perbuatan melanun hak cipta terutama karya sastera dan lagu telah berlaku di negara ini tetapi penulis-penulis dan pencipta yang menjadi mangsanya tidak begitu terbuka hati untuk melapurkan kepada pihak berkenaan atau mendakwa sipelanun itu kerana mereka tahu bahawa tindakan itu sia-sia sahaja, kalau tidak ada kesanggupan menyediakan Peguam. Bukan semua penulis kaya, dan kebanyakan mereka itu suka merendah diri dan mengalah, tetapi sanggupkah Kerajaan membiarkan sahaja perbuatan-perbuatan melanun hak cipta itu berleluasa tanpa sebarang perubahan sikap dan mengadakan Undang-undang yang lebih ketat?

Hakcipta intelektual dari segi karya sastera, karya seni dan muzik dan sebagainya adalah harta-milik seseorang manusia yang amat berharga bagi dirinya dan tidak boleh dirampas oleh orang lain dan negara kita mempunyai Undang-undang bagi mengawal hak ini iaitu Hakcipta, 1969 (iaitu Akta 10). Tetapi nampaknya Undang-undang ini tidak begitu berkesan. Dengan itu saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula Undang-undang Hakcipta yang ada sekarang ini dengan menimbangkan sejauhmana ia memberikan perlindungan yang memadai dan berkesan kepada pencipta kita. Disamping itu pertadbiran penyelenggaraan Undang-undang Hakcipta juga hendaklah tidak terlalu menyukarkan pihak yang menjadi mangsa untuk bertindak oleh kerana kalau yang menjadi mangsa terus juga menghadapi berbagai syarat yang menyukarkan untuk mengambil tindakan maka akan menggalakkan lagi perbuatan-perbuatan melanun yang mengotori negara kita ini. Kerajaan hendaklah menyedari bahawa pencipta-pencipta di negara ini bukan seperti pencipta-pencipta negara-negara besar yang ada jadi jutawan dan sebagainya yang boleh membayar beberapa banyak wang untuk Peguamnya dan ingin saya jelaskan ramai pencipta-pencipta kita di negara ini mendapat hasil dari ciptaannya sekadar cukup untuk makan seperti ramai penduduk-penduduk luar bandar—kalau dicuri ayamnya tidak mahu mengadu kepada polis kerana menimbangkan belanja untuk mengurus hal itu dan merugikan sahaja. Kerana tidak ada Peguam takut-takut kalau sipencuri pula yang menang bicara.

#### *Masalah Bahasa Standard*

Saya menimbulkan di sini iaitu masalah Bahasa Standard dengan garis-garis terhad yang penting sahaja. Untuk pengetahuan Dewan ini bahawa ramai rakyat terutama sekali di Sabah yang baru belajar Bahasa Malaysia adalah keliru yang manakah betul atau standard itu iaitu pengucapan RTM iaitu Radio dan Talivisyen Malaysia ataupun pengucapan sekolah-sekolah. Pengucapan RTM antara lain ialah Kuala Lumpur jadi Kuala Lumpu, Besar jadi Besa, Telor jadi Telo, dasar jadi dasa dan sebagainya dan perkataan-perkataan BERKATA jadi BERKATE, KENAPA jadi KENAPE. SAYA jadi SAYE dan sebagainya dan saya sendiri pernah terdengar rancangan Belajar Bahasa Kita di udara antara lain mengajar

ayat: TELO ITIK LEBIH BESA DARI TELO AYAM. Sistem pengucapan sekolah pula adalah mengikut ejaan asal iaitu huruf "A" tetap berbunyi (A) atau "ALIF DI ATAS A" bukan (E) sementara perkataan berakhir dengan huruf-huruf "R" tetap dibunyikan juga (R). Dalam situasi rasmi nampaknya negara kita mempunyai dua sistem pengucapan sekarang ini, iaitu SISTEM PENGUCAPAN PENDIDIKAN SEKOLAH di bawah Kementerian Pelajaran dan SISTEM PENGUCAPAN SEBARAN di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran atau lebih tegas SISTEM SEKOLAH dan SISTEM RTM. Kerumitan berlaku di Sabah bila juruhebah-juruhebah tempatan iaitu di Negeri Sabah sendiri RTM diajar dan seolah-olah dipaksa mengikut pengucapan loghat Riau Johor, sedangkan mereka itu memang sudah biasa dengan pengucapan sekolah di samping mempunyai lidah ibunda yang sukar diubah-ubah lagi. Hal ini difikirkan antara kelayakan-kelayakan lain yang menjadi sebab ramai belia-belia di Negeri Sabah tidak mampu bertugas di RTM Sabah, sebagai juruhebah atau ramai terpaksa keluar selepas beberapa waktu kerana merasakan ketinggalan dalam mutu pengucapan jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang didatangkan daripada Semenanjung yang mudah mengatasi sebutan Riau-Johor.

Saya berpendapat sampailah masanya Kementerian Penerangan dan Penyiaran dan Kementerian Pelajaran membuat kajian tentang hal ini adakah penuntut-penuntut sekolah mesti diajar dengan sistem pengucapan RTM supaya mereka dapat bercakap dengan standard atau RTM mengikut sistem pengucapan sekolah. Kalau dibiarkan kita mempunyai dua sistem pengucapan maka akan terus mengelirukan rakyat yang bukan Melayu dalam mempelajari Bahasa Malaysia dan kalau sistem pengucapan RTM diteruskan juga maka saya bimbang suatu masa nanti ada orang yang tersalah eja atau sengaja mengeja TELO tanpa R dan SAYE dan tidak lagi menggunakan A di hujung perkataan SAYA. Kalau pihak-pihak yang berkenaan mendiamkan diri dan memandang masalah ini soal remeh-temeh saya percaya masalah bahasa standard akan lebih berkecamuk lagi.

Dalam hal ini saya mencadangkan supaya Kementerian-kementerian yang berkenaan mengkaji dari manakah puncanya maka

R.T.M. mengikut sebutkan Ala Riau-Johor walaupun tidak 100 peratus dan tidak mengikut sistem sekolah dan mengapa pula ejaan-ejaan seperti SAYA bukan SAYE atau TELOR bukan TELO diajar di sekolah kalau ada sebarang Kongress menetapkan bahawa pengucapan Riau Johor adalah lebih standard. Saya berharap Kementerian-kementerian yang berkenaan merujuk kepada keputusan Seminar Bahasa di Singapura, dalam tahun 1956 dan Seminar Pengajaran Bahasa dan Sastra baru-baru ini yang berpendapat bahawa sebutan sekolah yang mengikut ejaan asal adalah standard. Hal-hal sebutan keseluruhannya memang rumit dan tidak akan selesai tetapi memadailah kalau masalah "R" dengan "A" dapat diselesaikan. Bahasa Malaysia adalah antara bahasa-bahasa dunia yang memang standard tetapi akan lebih standard lagi kalau saluran-saluran rasmi Kerajaan mempunyai satu sahaja sistem pengucapan tidak seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dalam perkara ini.

4.00 ptg.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat berterima kasih kerana mendapat peluang untuk bercakap menyokong usul terima kasih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam menyokong usul ini, saya juga mengambil peluang menyentuh beberapa perkara yang penting. Oleh kerana Bahasa Malaysia saya belum baik lagi, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in His Majesty's Speech I note that in taking steps to fight inflation our Government is encouraging people to plant foodstuffs such as fruits and vegetables. It is in this light that I appeal to the Government to arrange for FELDA or FELCRA to have schemes in which we could have fruit farms and vegetable farms. I see no reason why in Johore Tenggara, Pahang Tenggara or Trengganu Tengah we cannot have areas which would be famous for planting brinjals, chillies or the other vegetables that are

required by the people in this country. In this light, I hope that the Government will understand that in our urbanisation programme with rapid expansion of urban areas it is inevitable that the traditional vegetable farmers who are at the fringe of these urban areas will be most affected and by this reduction in the areas where they could plant the vegetables, the quantity of vegetables produced by them has lessened. As a result, prices of vegetables and fruits have gone up a lot. I hope the Government could take notice and encourage FELDA or FELCRA authorities to open up land for farming of vegetables and fruits.

In His Majesty's Speech it is stated "As regards to tin, My Government was able to convince the International Tin Council to use the Malaysian ringgit by using the market price of tin in Penang as the quoted price by the said Council. This is an honour accorded to Malaysia and is an indication of the confidence in the strength of our currency in the world. Malaysia also plays a principal role in the said Council in obtaining a reasonable price for this commodity." We thank God that the price of rubber and tin has been maintaining at high levels. However, on the protection of the tin industry, I would like to raise some points vis-a-vis the recently introduced tin export duty surtax. These points are raised on the principle that the protection of the tin industry is vital to a lot of workers who are dependent on it for a living, especially those from the Kinta District.

When this tin export duty surtax was introduced, I feel that there was no co-ordination between the Ministry of Finance and the Mines Department, because at the last Tin Council meeting in London our country's representatives were asking for a guaranteed minimum price of \$1,100 per pikul of tin and whilst there was a lot of opposition put up by tin consuming countries, a decision has not been arrived at. Meanwhile, our country has put up a progressive form of tin export duty surtax with the lowest price of tin that could be taxed based on \$700 per pikul. I feel that our Government was practically slapping the face of our own country's representatives at the Tin Council. We should in fact support our representatives there who are fighting for a minimum price for tin to protect the tin industry; and meanwhile we are putting up

a tax on the lowest price of \$700. In this respect I urge that officials from the Ministry of Finance and the Minister could reconsider about introducing the tin export surtax only when the price is above \$1,100 and not \$700, as is the case now.

Another point that I would want to raise is on the principle of taxing the smelted tin or the tin content in the ore which is exported to other countries. However, I feel that this surtax is applied to tin ore rather than tin. I just went to a tin smelting company today and I was given a quotation for a fictitious one pikul of tin that I was supposed to have. According to the tin price today, which is about \$1,336, if I were to bring in a pikul of tin ore which has an assay of 75% tin, the tax and all the duties that I have to pay would be: 1% on deduction taken by the smelters; duties assessed \$161.18; smelting charges \$6.90; energy surcharge \$1.25; transport and handling \$1.70, and export duty surcharge \$85.20. Now this export duty surcharge of \$85.20 was worked out using the formula supplied by the Ministry. When the price of tin goes above \$1,300 per pikul, the formula used is tin price multiplied by 20%, minus 182. I do not know how this formula has been arrived at. However, when I asked further, I was told that for \$85.20 export duty surcharge that a miner has to pay for a pikul of tin ore today based on the price of \$1,336, let us say, for example, if my pikul of tin ore that I brought in today had 100% assay, I would still be paying \$85.20. If it were only 30% assay, I would still have to pay \$85.20. That means we have to pay duty on impurities which we are not exporting and which is of no use to the miners at all. I wish the officials concerned would reconsider this and look into the possibility of revising this method of taxation, and instead of taxing on the tin price that appears on the market, it would be better to use a formula to tax on the gross purchased, i.e. on the gross amount that the miner would get for his one pikul of tin ore.

I raise this point on the principle that a lot of our workers in the Kinta District are dependent on the tin mining industry and that if we do not watch our taxation carefully, we might be "killing" a lot of border-line miners who just produce enough to earn a living. As far as the rich miners who produce one thousand pikuls or three hundred pikuls

a month are concerned, I think they will survive, but a lot of those small miners in the Kinta District are quite dependent on the fluctuations of tin price and they have very carefully worked out their budget in order to start a mine and with the introduction of this surtax, I am afraid a lot of the mines may have to close, resulting in a lot of workers not having any job to do, especially in the Kinta District. I thank the Government which has helped the tin industry considerably by not allowing a rise in the price of diesel oil. With the increase in the price of materials pertaining to the mining industry, especially the open gravel pump mines where in most cases all these materials have risen by more than 100%, I feel that the Government should not rush to tax the tin industry just because the tin price has risen by about 100%. If we do not tread carefully, then we may destroy the goose that lays the golden eggs and kill the tin industry in this country.

The second point I would like to raise is about health matters. In his Speech, His Majesty did say that the health, safety and welfare of our people would be adequately protected. In the papers last month or so we have read many cases of dengue fever and cholera all over the country. I thought we were already pre-warned last year when there were quite a number of dengue fever cases. However, this warning has not served us well and there is again a recurrence of dengue fever. However, I feel that in order to curb this epidemic, it is not sufficient for the Ministry of Health to send doctors and nurses to the areas that are affected but we must see where the root cause of dengue fever is, and that is, in poor sanitation. Why do we have poor sanitation in this country, especially in the rural and some of the urban slum areas? For the simple reason that sanitation is not properly taken care of. Why is sanitation not properly taken care of? Because the local authorities are not functioning. We have heard that the Government is going to restructure the local authorities. But up to now, short of knowing that Penang has done so, I think the other States have not carried out this exercise. Whilst the restructuring of the local authorities is not brought about, the duty of the local councils to look after the health and sanitation is being left undone, and not done by anybody at all. So at this transitional

period, which has gone on for almost two to three years already, I hope the State Governments through the National Council for Local Governments would be encouraged to speed up this restructuring of the local councils whereby every area is properly looked after by a local authority, and in this respect I think the sanitation and health would be better looked after. This is a short-term project of trying to cut down on this epidemic of dengue fever and cholera. But what about any long-term method of cutting down this epidemic?

In the old days we had hygiene lessons in schools. But I feel that now most of the schools have left out this important civic course. I hope that the Ministry of Health, co-ordinating with the efforts of the Ministry of Education, could come out with civic programmes for all our school children and teach them basic hygiene—how to keep basic proper hygienic conditions in the house so that our children might be taught to identify what is a larva, and that larvae breed mosquitoes. In some houses some of these children when they look at the larvae think that they are such funny little things wriggling about and they keep them as pets. They are not taught that these larvae are the actual producers of the future mosquitoes that carry these dreaded diseases of dengue fever, malaria, etc. I feel that we should have, with the co-ordinated effort of the Ministry of Health and the Ministry of Education, programmes to teach our children on how to identify the various carriers of this sort of dreaded diseases that are endemic in our country.

In the Royal Speech it is stated:

“As such, my Government will continue to advise State Governments to consider issuing permanent titles to the people working on land under Temporary Occupation Licences. We hope the issue of permanent titles will help to create a situation where all races of different origins will live together. At the same time agencies such as FELDA, FELCRA and other Land Development Agencies in the States will continue to implement new schemes and recruit new settlers.”

According to reports up to 1971, participants in FELDA schemes are: Bumiputras 98% and non-Bumiputras 2%. Now I find that this is a very dangerous situation in that in these new development areas we are not

thinking of integration. We are positively still not thinking of integration. I studied in Belfast for seven years. I am sure everyone of the Honourable Members here knows what is the situation in Belfast now: how people of the same colour, same race but of different religions manage to fight and slaughter each other. It is simple. They were not integrated; they were living segregated. This road belongs to the Protestants; that road belongs to the Catholics. They could identify each other and slaughter each other. Protestants go to different schools. Catholics go to different schools, so much so that when you look at him, you can't recognise whether he is a Protestant or a Catholic, but when he opens his mouth you can identify from the accent that he speaks—Catholic school boys speak with a Catholic accent and Protestant school boys speak with a Protestant accent and that is how they slaughter each other. This has been brewing up in Northern Ireland for 200-over years with no government taking positive steps to remedy this ridiculous situation. But, however, our Government is taking steps to reduce it. I applaud and I laud the Government for doing so. But implementation-wise let us watch it carefully, in the sense that in these newly developed areas, especially in the modern agricultural sector, I feel that other sections of the community must not be left out. I encourage the Government to increase the economic and commercial participation of the bumiputras in the urban centres. They should come in, but on the other hand those in the traditional urban sectors of our country should be encouraged to go into this modern agricultural sector which is mainly represented by FELDA and FELCRA schemes. It is no use saying that the people in the new villages, the people in the urban areas, do not want to go there. If we make an effort to look into their needs I am sure we can come up with a scheme that will attract them to go there, because if we do not do it, then I am afraid in 20 years' time we may be left with a situation where the people are not integrated but segregated and allowing for a lot of hot situation to be built up.

One of the problems faced by the people living in new villages is land and to overcome this problem, negotiations were conducted with State Governments to enlarge the areas in the congested new villages as far

as possible, providing land for cultivation and speed up the issue of titles for the lots now occupied under Temporary Occupation Licences. We started this exercise of giving leases to villagers who are living on Temporary Occupation Licences three years ago, but I am sad to say that, just reporting on one district, i.e. in the Kinta District, only 20% of the houses have been converted; there are still 80% of the houses which have as yet to be converted. I hope that the Minister who is in charge of co-ordination of new villages will look into this matter. A policy had been enunciated three years ago, but at this rate it will take another 15 years before they can convert the T.O.Ls into land leases. That won't do because the people are restless and they want to see action and I hope that the Minister and the different State Governments will hurry up.

I have with me a little schedule for the District Office of Kinta and they have a programme to go to about 9 villages stretching up to April 1975 to look into the problems of settling their leases. In the Kinta District I think, there are 50 over villages; so it will take them five years just to convert house lots from T.O.L. into leases. I think that won't do. What about the lots for cultivation that are still under T.O.L.? I am sure they are many times more than house lots. They also need to be converted into leases. I think this is primarily the fault of the Land Office. It is not properly organised; it should be organised. Settlement Officers should be supplied in sufficient numbers where they could push through work of this kind.

The Government has given a lump sum of money for the Ministry in charge of co-ordinating new villages to help the State Governments to implement projects to improve the facilities in the New Villages. This, I must say, is a very good thing, but however I hope that when the Minister visits the New Villages he will distribute this money fairly and equally. There was a case where, when he visited the Chemor area, he only gave money to two villages and the other two villages were not given any money at all. As far as I know personally, as I come from that area, those two villages which needed money most were not given money but those two villages which did not need the money as much as the other two villages got a big lump sum of \$30,000 to \$40,000. I

think this not only helps the people not to have confidence in the Government, but it puts them further and further away from the Government and I am sure Honourable Members, especially Datuk Crawford, will agree with me—as we come from the Chemor area—how hot is the situation there; the security situation there is not that good, especially in areas such as Grik, Klian Intan, Lenggong, Lima Katil, Ayer Kalah, Padang Kerus, Kota Tampan, Lasah New Village, Manong Village, Jalong Village, Kanthan Baru Village, Tanah Hitam and Tanjung Rambutan. These areas need to be carefully looked after. You can't play politics with them anymore. You have got to be fair with them and show them that we mean business and that we go there to help them and not to play politics with them, as the security situation is bad. I hope that the Minister will be fair in the distribution of funds to improve the facilities for these people when he goes round visiting these places; otherwise, it is pointless for the Government to make efforts to improve the security situation when one of the Ministers is making it worse.

I think that is about all that I have to say in my speech. I thank you for giving me this honour.

4.24 p.m.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Usul ucapan terima kasih yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan di atas Titah Ucapan Diraja yang telah berlangsung di Parlimen baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Diraja baru-baru ini telah menyentuh berbagai-bagai masalah untuk kebaikan rakyat dan negara kita Malaysia dan di samping itu saya ingin memberi beberapa pendapat yang saya fikir untuk kebaikan negara dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang dibincangkan dengan hangat oleh masyarakat dan Kerajaan pada hari ini dan begitu juga telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah hendak meninggikan taraf ekonomi bumiputra supaya di dalam masa 20 tahun sekurang-kurangnya ekonomi bumiputra akan meningkat kepada 30%. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, terutama

sekali kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri yang lain yang telah berikhtiar dengan sedaya-upaya menjadikan dalam masa 20 tahun, 30% bumiputra meningkat dari segi ekonomi, tetapi apabila dikaji di atas apa yang berlaku pada hari ini, saya berasa amatlah dukacita kerana kesan-kesannya tidak pun nampak dengan jelas.

Saya contohkan di Negeri saya sendiri di Perlis, bahawa industri-industri telah ditubuhkan, sebuah ladang tebu telah ditubuhkan bertahun-tahun lamanya. Di dalam sesebuah ladang tentulah banyak pekerja-pekerja yang terdiri dari pegawai-pegawai iktisas, kerani, buruh dan sebagainya. Kalau ditengok di situ bahawa bumiputra seolah-olah layak menjadi buruh kasar yang gajinya amatlah murah, keselamatannya tidak terjamin sehingga sekarang ada 2 atau 3 orang lebih agaknya mati kemalangan dengan tractor dan sebagainya.

Berkenaan pegawai iktisas boleh dikatakan semua orang lain yang memegang tempat itu, apatah lagi tentang saham dan sebagainya, dan sekarang ini pula Kerajaan akan mendirikan sebuah kilang simin di Perlis. Kita ucapkan terima kasih kerana pihak perbadanan yang telah mengambil daya-usaha memberi peluang kepada bumiputra untuk membeli saham dengan syarat-syarat yang berpatutan, tetapi walau macam manapun saya berharap, bak kata orang Melayu: Jangan pisang berbuah dua kali. Bila mengambil pegawai-pegawai iktisas janganlah diambil kesemuanya dari bangsa lain, tetapi sekurang-kurangnya separuh, kalau tidak kurang dari 30%, janganlah dijadikan bumiputra ini layak menjadi buruh kasar yang gajinya terlampau rendah. Andai kata mereka kurang dari segi pelajaran hendaklah kita tolong memberi latihan dan sebagainya.

Saya hendak bercakap berkenaan dengan pelajaran. Kerajaan kita pada hari ini amat mengambil berat dari segi pelajaran dan telah mengadakan berbagai-bagai rancangan seperti melaksanakan Lapuran Aziz dan sebagainya. Walau macam manapun, sebagai Kerajaan dan sebagai manusia biasa kadang-kadang apa yang dibuat ada juga yang tidak kena dan tentulah ada kesilapan-kesilapan. Kalau yang baik kita pulangkan kepada Tuhan untuk mendapat pahala, kalau yang salah ditegor untuk diperbetulkan. Itulah kewajipan kita sama-sama manusia.

Kita berasa syukur kepada Tuhan yang mana gaji guru-guru sudah bertambah dengan adanya Lapuran Aziz, dan bagi guru-guru yang ditempatkan di sekolah luar bandar dan di sekolah menengah pada masa-masa yang lepas adalah amat mendukacitakan. Kalau disebut guru itu akan dihantar menjadi guru besar di sekolah menengah luar bandar, jarang guru-guru itu hendak pergi ke tempat tersebut dengan berbagai alasan, tetapi dengan adanya Lapuran Gaji Aziz ada setengah daripadanya menyatakan boleh jadi hendak mempratikkan perolehan tersebut, maka banyaklah yang sudi ataupun ingin mengambil peluang untuk menjadi guru-guru besar di tempat yang berkenaan.

Selepas kemerdekaan kita merasa nikmat yang banyak tetapi sebagai hendak mempersatukan rakyat untuk mengisi ataupun hendak mendapat nikmat kemerdekaan tentulah rumit. Begitulah juga di sekolah menengah. Ada guru yang bersusah-payah berusaha mengumpulkan murid-murid menjadikan sesebuah sekolah itu sebagai sekolah menengah yang begitu baik dan maju, tetapi bila gaji dan sebagainya bertambah banyak, saya bimbang seperti saya katakan tadi harus kebanyakan guru-guru yang dahulu tak mahu ke luar bandar, hari ini ingin berlumba-lumba ke tempat tersebut. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian berkenaan berhati-hati benar dan seboleh-bolehnya tak salah juga pada segi aturan dan kebolehan janganlah pula sebagai kacang lupukan kulit.

Yang kedua, negara kita ialah negara yang menjadikan ugama Islam sebagai ugama rasmi. Kita tahu menjadikan hari Ahad sebagai hari cuti kerana hari lain itu berhubung dengan perniagaan dan sebagainya: Kita amat dukacita yang mana pada hari Jumaat dijadikan hari peperiksaan bagi murid-murid mengambil S.T.P., S.P.M. dan S.R.P. Kalau pada Ahad cuti kerana satu hari yang mulia pada pandangan ugama lain atau hari kemuliaan bangsa lain dan telah dicantumkan sekali dengan kita di Malaysia. Saya amatlah kesal kerana hari Jumaat satu hari yang sangat mulia di sisi umat Islam dan juga dari segi ugama Islam yang telah dijadikan ugama rasmi peperiksaan diadakan pada hari Jumaat. Setengah murid-murid pergi sembahyang Jumaat. Saya terbacu dalam *Utusan Melayu*, kerana akhbar ini sekali-sekala penulis berita sejarah ringkas mengenai kejayaan seseorang. Saya

berasa dukacita, namanya saya lupa untuk di sebutkan di sini iaitu ada seorang yang mendapat kejayaan sebagai doktor, dia berasal dari Pulau Pinang. Katanya, yang menolong saya ialah sembahyang dan taat kepada perintah ugama. Jadi memang ada murid-murid yang berumur 18-20 tahun, walaupun mereka bersekolah Inggeris ataupun sekolah-sekolah lain, mereka menjadikan sembahyang sebagai satu senjata yang besar menaifannya kepada mereka, dan mereka amat kesal kerana hari Jumaat dijadikan hari peperiksaan. Jadi saya berharap kepada Kementerian berkenaan seboleh-bolehnya jadikanlah hari Jumaat itu hari kelepasan kepada hari peperiksaan itu.

Berkenaan ujian peperiksaan Darjah III kita amatlah dukacita kerana Kerajaan mengadakan ujian itu. Saya yakin ujian tersebut tentulah ada menaifannya kepada Kerajaan selepas didapati keputusan tersebut samada dari segi murid ataupun guru, tetapi bagaimanakah kesimpulan yang akan diambil oleh Kerajaan kalau sampai memakan masa setahun keputusan itu tak dapat diketahui lagi, sedangkan Kerajaan menggunakan alat komputer dan sebagainya. Saya berharap kepada Kerajaan atau Kementerian berkenaan berhati-hatilah atas perkara itu. Kalau didapati alat-alatnya tidak begitu baik, gunakanlah tenaga manusia yang lebih baik kiranya tenaga manusia lebih cepat daripada alat komputer yang digunakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tiap-tiap satu negara selain daripada ekonomi dan pelajaran, masalah keselamatan adalah satu perkara yang penting. Kita bersyukur kepada Allah kerana negara kita dalam keadaan aman. Askar-askarnya taat setia, polisnya taat setia, tidak seperti setengah-setengah negara yang kita dengar kadang-kadang askar mengambil-alih kuasa negara itu. Kita bersyukur kerana di Malaysia tidak berlaku lagi perkara seperti itu, kita minta kepada Allah jauhkan perkara itu kerana kita tahu Kerajaan kita memberi keistimewaan yang cukup kepada tentera dan polis. Sungguhpun demikian pada pendapat saya ada beberapa perkara lagi yang patut diperhatikan, terutama dari segi polis yang mana gaji mereka sangatlah kurang, begitu juga nasib askar wataniah. Walaupun perkara ini sudah berkali-kali dibentangkan, tetapi masih tidak mendapat sebarang per-

hatian lagi daripada Kementerian berkenaan. Gaji mereka amatlah murah dibanding dengan askar-askar, sedangkan tugas mereka tidak kurang, tambahan pula mereka itulah yang menjadi jurulatih kepada askar-askar biasa yang mendapat gaji dengan lebih berlipat-ganda daripada mereka. Jadi anih sangat, orang yang melatih itu kita hendak katakan bodoh, tetapi mereka melatih orang yang berpelajaran tinggi. Begitu juga kemudahan doktor bagi mereka itu tidak mencukupi. Saya berharap kepada Kementerian berkenaan mengambil perhatian berat.

Dari segi kesihatan, saya bersyukur kepada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah menghantar doktor-doktor ke negeri Perlis, tetapi malangnya kita berasa dukacita terhadap orang sakit, kerana tidak cukup tempat dan tidak ada pakar yang cukup di Perlis, hingga pesakit tersebut terpaksa dihantar ke Kuala Lumpur. Amatlah malang bila hendak di hantar ke Kuala Lumpur, sebab saya dapat tahu pesakit-pesakit itu dihantar dengan keretapi Kelas Tiga. Biasanya pesakit-pesakit hendak dudukpun payah, hendak tidur pun payah, apatah lagi memandang kepada keadaan keretapi hari ini dalam Kelas Tiga di mana penumpang-penumpang penuh sesak. Saya harap Kementerian berkenaan menghantar doktor-doktor dan pakar ke negeri Perlis, dan memberikan simpati kepada pesakit-pesakit, seboleh-bolehnya kalau dihantar dengan keretapi biarlah duduk Kelas Dua ataupun dihantar dengan ambulan terus ke tempat yang hendak dituju kerana pesakit-pesakit patutlah diberi layanan dengan baik. Kita bersyukur juga kerana di Padang Besar telah didapati rawatan perubatan walaupun tidak begitu besar seperti Kangar, tetapi boleh dikatakan memuaskan. Begitu juga ambulan untuk menghantar orang sakit, kalau keadaan memaksa didapati tidak ada ambulan. Walaupun ada teksi untuk mengangkut orang, tetapi teksi itu kalau hendak mengangkut orang sakit beberapa masalah akan timbul tidak boleh mengisi penumpang dengan banyak, masalah kekotoran dan sebagainya. Kadang-kadang masalah hendak mencari sebuah teksi pun susah, berebut dengan seorang lain. Penyakit tidak memilih kaya-miskin, biasanya orang miskin selalu sakit. Dengan keadaan begitu amatlah menyedihkan. Saya berharap Kementerian berkenaan menghantar terus si sakit ke

Kuala Lumpur dengan memberi keistimewaan samada duduk keretapi Kelas Dua ataupun dihantar dengan ambulan. Begitu juga patut ditempatkan satu ambulan di Padang Besar.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap hal luar negeri, sebagai rakyat Malaysia saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mewujudkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Peking. Kita berharap dan sama-sama berdoa biarlah hubungan kita bertambah baik dan berlanjutan. Di samping itu kita patutlah berhati-hati jangan ada golongan rakyat Malaysia ini yang mengambil kesempatan. Walaupun pihak Peking mengatakan dia tidak ada campurtangan dengan pihak Komunis Malaysia, tetapi kita bimbang pihak komunis Malaysia akan mengambil kesempatan. Sebagaimana saya baca dalam *Utusan Melayu* hari ini di Ayer Hitam, Johor, Balai Polis telah dibom, syukurilah kepada Allah tidak ada orang yang mati atau cedera. Oleh itu, di samping kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan Peking, kita hendaklah mencari jalan menamatkan komunis yang ada di sini.

Saya ucapkan terima kasih dan tahniah yang paling tinggi kepada Yang Amat Berhormat Tun sebagai Menteri Luar yang mana kita ketahui di bulan yang akan datang Menteri-menteri Luar Islam akan mengadakan persidangan di ibu negara Kuala Lumpur. Ini menunjukkan yang negara-negara Islam di tempat lain memandangkan Malaysia adalah satu negara walaupun penduduknya berbilang kaum tetapi telah menjadikan agama Islam agama rasminya dan negaranya aman dan damai, terutamanya di segi agama Islam sebagai agama rasmi. Saya teringat cerita ada seorang kawan, dia seorang haji. Sebagai manusia bila dia hendak ke panggung wayang, dia juga manusia, tetapi dia beribadat sekali sekala, dia suka hendak tengok wayang, tetapi dia tidak begitu suka orang panggil dia haji bila di hadapan panggung wayang, kerana dia takut moral dia jatuh. Oleh kerana orang panggil dia haji katanya tentulah moralnya tinggi. Dari segi moral betul juga. Dengan sebab itulah pada pendapat saya sesudahnya agama Islam menjadi agama rasmi, negara luar memandangkan kita ini sebagai satu negara yang tinggi patutlah langkah-langkah yang tegas di segi lain juga dijalankan dengan lebih pesat

daripada yang ada pada hari ini, dan janganlah kita kadang-kadang saya biasa mendengar dalam Dewan kita ini salah seorang daripada Ahli Dewan Negara, walaupun saya tidak bersama dalam Dewan, tetapi saya mendengar kesemuanya dan saya gembira mendengarnya. Kata salah seorang Ahli yang tersebut: Apa yang anihnya kepada kita ialah perkara yang kecil-kecil kita ambil tindakan kalau bersalah, tetapi kalau yang besar-besar, bapa-bapa buat, kita tidak larang, bahkan kita pandang mulia pula siapa yang buat dan kita pandang hina siapa yang tidak mahu sosial, minum dan sebagainya. Saya berharap biarlah tepat apa yang kita kata.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang pertanian sebagai rakyat Negeri Perlis. Saya berasa syukur dan terima kasih kepada Kerajaan yang mana dalam Jabatan Pertanian, khasnya Kementerian Pertanian telah mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk menambahkan lagi pendapatan pak tani, terutamanya padi. Lebih tepatnya di rancangan Perlis Selatan, Perlis dengan mengadakan rancangan MADA dan sebagainya untuk membuat tanaman lebih daripada sekali setahun, tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang saya berasa dukacita cara penerangan yang tepat, penerangan yang menyeluruh kepada pak-pak tani tidak begitu mendalam. Kerapkali Jabatan yang berkenaan dia tulis di kepala jalan, air masuk sekian haribulan, menabur sekian haribulan, menyemai sekian haribulan dan menanam sekian haribulan. Petani-petani ini jarang pergi ke Kangar. Saya bertanya seorang petani bulan ini sudah berapa kali ke Kangar? Jawabnya, saya sudah tiga bulan tidak pergi ke Kangar, sebab tidak ada apa-apa urusan. Begitu juga di jalan-jalan raya besar. Maka dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Jabatan yang berkenaan tolong mengadakan perjumpaan bagi penerangan secara menyeluruh supaya pak tani tahu dengan cara tepat.

Berkenaan paip-paip yang mana kekurangan saya minta kepada pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan harga beras. Saya sangat mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Timbalan Perdana Menteri dengan menetapkan harga beras. Mengikut pendapat saya tidak akan menyusahkan kepada pengguna-pengguna walaupun

kadang-kala harga beras yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan khususnya Timbalan Perdana Menteri harus menyusahkan seorang dua yang mendapat permit perniagaan, tetapi tindakan yang semacam ini kita harap Kerajaan kita akan memandang kepada masyarakat umum atau rakyat umum lebih daripada seorang dua, ini sangat-sangatlah kita puji.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.08 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)

*5.08 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengawal harga beras dengan begitu baik dan juga saya berharap di samping mengawal harga beras, seboleh-bolehnya kawallah juga harga padi supaya jangan terlampau turun. Saya berasa amat dukacita melihat telatah puak-puak peniaga ini yang suka mengambil peluang dalam masa yang singkat membuat keuntungan yang banyak.

Sebagaimana yang kita tahu dalam soal kenaikan harga minyak yang dikatakan oleh beberapa orang kawan-kawan saya kelmarin, sebelum Kerajaan mengumumkan tentang kenaikan harga minyak, setengah daripada setengahnya 6 jam dan ada yang sampai satu hari sudah mengetahui terlebih dahulu tentang kenaikan harga minyak itu. Dengan keadaan yang demikian, mereka telah menjualkan dahulu harganya sebelum tarikhnya ditetapkan oleh Kerajaan walaupun dalam masa satu hari ataupun 6 jam telah membawa keuntungan yang banyak. Yang sedihnya macam di Perlis mengikut dalam akhbar petang kelmarin kalau tidak silap saya, menjual lebih daripada had yang berpatutan. Jadi kita berasa amat dukacita kepada puak-puak peniaga ini kerana mencari peluang dalam masa yang begini. Begitu juga harga

beras. Kerajaan menetapkan harga beras jangan naik terlampau tinggi untuk kegunaan pengguna-pengguna yang menggunakan beras, tetapi malangnya pembeli-pembeli padi menurunkan harga dengan tak patut, kerana harga beras sudah turun. Saya berharap kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, khususnya L.P.N. yang kita tahu pada hari ini bekerja dengan begitu susah-payah mengawal harga beras dan mengawal harga padi. Kalau saya tidak silap, harga beras yang naik seperti yang dikawal oleh Kerajaan pada hari ini kalau ditetapkan harga padi \$30 sepikul patut tidak begitu tinggi, agak saya. Saya berterima kasih kepada Kerajaan, sebab sebagaimana kita tahu pada hari ini sedang bertimbang rasa terutama kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan L.P.N.

Pada masa inflasi ini Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa dengan kehendak Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan juga Menteri Pembangunan Ekonomi Desa sendiri dan pegawai-pegawainya telah menambih elaun Penyelia KEMAS. Saya ucapkan terima kasih bagi pihak kawan-kawan saya sabagai Penyelia KEMAS, elaun mereka telah dinaikkan daripada \$200 kepada \$400 dan begitulah sebaliknya. Tetapi timbul rula masalah guru-guru. Kalau daripada tahun 1961 dibuka Kelas Dewasa pada masa itu (pada hari ini dikatakan KEMAS) elaunnya sejam \$4 maka sampai kepada tahun 1974 pun masih \$4. Jadi saya berpendapat di samping terima kasih kerana elaun Penyelia telah dinaikkan, maka elaun guru-guru KEMAS ini pun saya berharap Kerajaan akan memberi pertimbangan dan saya syorkan seboleh-bolehnya dinaikkanlah sampai \$6 sejam daripada \$4 sejam sekarang.

Sekarang saya menyentuh berkenaan dengan perhubungan. Kita sama-sama dengar dalam radio kalau tidak silap saya pada malam Sabtu yang lepas dalam Warta Berita mengatakan Kerajaan ataupun Jabatan Kastam telah merampas beratus-ratus lori yang memakai nombor Kedah dan kalau tidak silap saya nombor Melaka juga. Syukurlah tidak termasuk Perlis sebab maklumlah Perlis tidak ada Pejabat RIMV. Lori haram yang tidak ada kebenaran atau tidak ada lesen, anih! Begitu banyak lori boleh berjalan dengan begitu lama. Kalau

saya hendak tuduh ada penyelewengan dalam RIMV agaknya tentulah tidak adil, tetapi saya cukup sedih dan juga ajaib perkara ini boleh jadi begitu. Saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan dan saya tidak mahu tuduh sesiapa supaya jangan jadi pisang berbuah dua kali, keuntungan ini terlampau banyak didapati oleh orang-orang yang berniaga, bukan setakat Ali Baba, sampai berniaga lori secara haram ini anih sangat. Saya harap pada masa yang akan datang kalau boleh janganlah berlaku lagi. Kalau ada pihak yang berkenaan mencari kesempatan untuk mencari untung yang banyak, saya berharaplah kepada jabatan yang berkenaan haruslah mengambil tindakan yang segera agar perkara tersebut tidak berlaku lagi.

Pada akhirnya, sukalah saya menyatakan terus-terang iaitu baru-baru ini Menteri Perhubungan telah melawat Perlis. Dalam Dewan ini semacam, samada saya atau saudara saya bila bercakap semasa Belanjawan atau Titah Ucapan Di-Raja dan kalau ada rang undang-undang berkenaan dengan perhubungan, berkenaan dengan pendaftaran motokar di Perlis, saya pun tidak dapat bercakap kerana memandangkan kepada masa yang pesat lori sudah bertambah, kereta bertambah dan motosikal bertambah. Di zaman sains dan teknologi dunia semakin maju, seperti kata Senator dari Kedah kelmarin, tiap-tiap hari queue apabila hendak mengambil lesen motokar, dan ada setengah secara black market beri duit \$2 kepada kawan supaya dapat ambil lesen itu cepat. Oleh kerana begini pesatnya kemajuan, saya berpendapat di Perlis patutlah diadakan sebuah Pejabat RIMV. Saya dengar berita mengatakan Kerajaan hendak adakan Pejabat RIMV di Perlis dan Menteri yang berkenaan pun tidak melarang, kerana kita tahu beliau adalah seorang Menteri yang rajin dan bercakap terus-terang dan saya ucapkan terima kasih. Tetapi katanya, apa dia hendak buat, kerana tidak ada peruntukan bagi Perlis, saya pun tidak tahu. Nampaknya, perkara itu tersekat dari segi kewangan. Saya berharap kepada Menteri Kewangan yang mengeluarkan wang, terutama kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Mohamed Rahmat, walaupun beliau tidak ada dalam Dewan ini, tetapi saya kirim salam dalam Dewan ini, tolonglah catitkan dan ambil tindakan. Janganlah biarkan tiap-tiap kali Belanjawan, tiap-tiap

kali Titah Ucapan Di-Raja sesiapa yang jadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat bangkit memperkatakan perkara ini, kerana perkara ini telah menjadi masalah orang Perlis.

*5.15 ptg.*

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang bercakap sedikit sebanyak di dalam perbahasan terhadap usul Yang Berhormat Datuk Nik Hassan kerana Titah Ucapan yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda baru-baru ini.

Soal pokok daripada seluruh persoalan kita pada masa sekarang ini ialah soal inflasi. Soal inflasi samada kita mengakui dia diimpot dari luar atau dia tumbuh dari dalam atau kerana diimpot dan ditumbuhkan dari dalam, keadaan itu adalah nyata berlaku di dunia dan berlaku di negara kita yang sangat-sangat mengancam kepada kehidupan kemanusiaan dari segala unsur-unsur kemanusiaan. Kalau diambil dari segi ugama mungkin ini merupakan kada Tuhan kepada manusia yang bertambah rosak akhlak, kerosakan moral manusia tetapi dalam zaman tamaddun dan sains dan teknologi orang tidak mahu bercakap soal ugama, soal kada, soal iblis atau soal syaitan. Orang hanya mahu bercakap soal sains dan teknologi dan lojik. Maka mari kita bercakap tentang lojik, lojik dari inflasi ini akan berakutlah kekurangan makanan, ertinya kekurangan zat makanan kepada manusia. Dalam musim kita berkempen hari Kesihatan Dunia pada hari-hari seperti sekarang ini inflasi mengancam dan kekurangan makanan mengancam. Ertinya manusia yang akan hidup dengan kekurangan zat makanan akan menjadi manusia kerdil pada masa hadapan. Tahukah di sana yang akan berlaku ini? Yang akan berlaku ini ialah terutama di luarbandar.

Pada masa yang lalu Kerajaan kita cukup sedar bahawa ada rakyat kita yang mempunyai pendapatan cukup rendah sungguhpun dari segi politik tidak mahu diakui tetapi dari segi universiti-universiti yang membuat kajian-kajian ekonomi memberi fakta-fakta yang benar tentang ini. Maka dengan adanya inflasi seperti sekarang ini kenaikan harga barang yang begitu melambung tidak syak lagi keadaan penderitaan rakyat, bukan semuanya tetapi

sebahagian adalah bertambah-tambah lagi yang meminta perhatian Kerajaan yang sungguh-sungguh bagi mengatasi masalah yang sangat berat ini.

Lojik dari inflasi ini akan bertambah-tambah lagi jenayah dalam negara kita. Lojik dari inflasi ini akan bertambah lagi kemerosotan moral manusia dalam negara kita, sebab manusia yang hidup menderita sanggup berbuat apa sahaja untuk mengatasi kesulitan hidup mereka sekalipun jiwa mereka menentang tetapi keadaan memaksa mereka melakukan, maka berlakulah apa yang telah dan sedang berlaku dalam masyarakat kita berbagai-bagai peristiwa dan ini akan bertambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam saat Kerajaan mengharapkan kebangkitan peniaga-peniaga bumiputra untuk mengejar tempoh 20 tahun yang dianggarkan dapat membawa kira-kira 30% bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Inflasi mengancam benar-benar terhadap peniaga-peniaga bumiputra yang baharu mula belajar merangkak pada masa ini. Jadi masalah inilah yang dihadapi oleh Kerajaan dan masalah ini mesti dihadapi dengan cara yang cukup bijaksana. Jika tidak banyak akibatnya yang akan timbul daripada keadaan yang sedang timbul pada masa ini.

Apabila saya mengikuti ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di radio baru-baru ini, saya berasa hairan sebab baharu beberapa bulan yang lalu harga minyak telah dinaikkan dan Menteri yang berkenaan telah memberi jaminan tidak akan berlaku kenaikan lagi. Dan dalam sidang yang lalu telah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pressure (tekanan) daripada pemodal-pemodal besar biasanya berubah keadaan dan Kerajaan selalu mengikut sahaja.

Dalam soal minyak ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang mendapat keistimewaan daripada negara-negara pengeluar minyak iaitu negeri-negeri Timur Tengah, sebabnya kita tahu sendiri, tetapi peniaga-peniaga minyak di Malaysia bukan orang-orang Malaysia jauh berbeza daripada orang-orang Timur Tengah, malah sebahagian daripada negara-negara musuh itu kepada negara-negara Timur Tengah yang memberi keistimewaan kepada Malaysia dalam soal minyak. Syarikat-syarikat

minyak dalam penyata-penyata terakhir mereka menunjukkan keuntungan berjuta-juta ringgit yang keuntungan itu boleh dipertahankan dengan tidak menaikkan harga. Saya katakan boleh dipertahankan sekalipun dikurangkan keuntungan pada peringkat gelen, kerana jumlah penggunaan minyak dari sehari ke sehari bertambah banyak, bererti keuntungan yang lumayan tetap boleh didapati oleh syarikat-syarikat minyak. Misalnya MAS iaitu Syarikat Penerbangan Kebangsaan kita menunjukkan penyata keuntungan berjuta-juta ringgit, mereka tidak mencari keuntungan beratus-ratus ribu tetapi berjuta-juta ringgit. Bila dikatakan turun harga, tidak ada siapa yang hendak bercakap turun harga, tetapi bercakap tentang naik harga. Kerajaan telah menimbangkan permohonan daripada syarikat-syarikat minyak ini sebab mereka adalah pemodal-pemodal luar negeri, great capitalists, yang selalunya menghisap darah, yang selamanya mempermainkan percaturan ekonomi dan politik di dunia ini. Kerajaan tidak boleh, menimbangkan, misalnya, syarikat-syarikat transport yang dahulunya dikuasai oleh bukan Melayu, tetapi sekarang sudah ada sebahagiannya dikuasai oleh orang-orang Melayu di dalam lapangan transportation. Kerajaan tidak boleh menimbangkan daripada gulungan mereka sebab modal mereka kecil. Kalau dikumpul-kumpul modal mereka seluruh Malaysia belum sama, barangkali dengan satu perusahaan minyak yang membawa minyak di negara kita ini. Perusahaan pengangkutan meminta dinaikkan tambang, tetapi Kerajaan membela kepentingan rakyat tidak menimbangkan kenaikan tambang, yang tinggi sedangkan perniagaan mereka merosot oleh sebab kenaikan harga spare parts berganda-ganda. Setiap orang yang memakai motokar mengetahui bagaimana naiknya harga spare parts, dan bas-bas juga mengalami penyakit ini. Harga spare parts naik beratus-ratus kali ganda. Jadi perlu dinaikkan harga, lain masalahnya soal beban kepada rakyat, tetapi soalnya fact, lojik, kerana syarikat ini syarikat kecil daripada anak negeri daripada Malaysia, dia bukan giant daripada kuasa-kuasa asing yang memonopoli peniaga, rayuan mereka tidak perlu ditimbang. Apa yang saya dengar kabat Kerajaan sedang menimbangkan untuk menaikkan satu sen. Tambang pada tiap-tiap 5 sen, 10 sen, 16 sen menjadi 21 sen. Ertinya, satu sen pada tiap-tiap tambang

yang ada sekarang dinaikkan, itu akan berlaku. Jadi untuk membela rakyat Kerajaan terpaksa mengarahkan Bank Negara mencetak wang-wang coin satu sen sebanyak-banyaknya supaya tambang yang 5 sen sekarang ini naik 6 sen. Apabila penumpang beri 10 sen boleh diberi balik 4 sen, sedangkan belanja membuat wang itu 3 sen satu, wang satu sen itu harus dibelanja 3 sen. Kita tidak boleh membeli kueh, membeli telur, tak boleh membeli itu tak boleh membeli ini, kecuali tambang bas. Sedangkan untuk harga minyak yang dikendalikan oleh perusahaan-perusahaan asing kita menimbang untuk dinaikkan 50 sen segalen. Dan logiknya, kenaikan harga minyak ini akan menimpa perusahaan-perusahaan lain dan dengan sendirinya akan naik pula harga-harga lain, sekali pun ada pengecualian (exemption) terhadap sebahagian jenis minyak, kalau saya sebut nelayan yang menggunakan minyak diesel, nelayan itu tak berapa orang. Sebenarnya, untuk pelombong-pelombong bijih timah, mereka yang menggunakan minyak diesel. Untuk kepentingan capitalist kita lebih membela daripada kepentingan peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha yang kecil di negeri ini.

Tidak ada jalan keluar dalam masalah ini kalau kita tidak mahu membiarkan diri kita selama-lamanya dipermainkan oleh capitalists besar. Soal minyak harus diambil-alih oleh negara. Dalam soal pertambahan minyak atau perlombongan minyak itu kita berkongsi, tetapi dalam soal memasukkan minyak dan distribution harus diambil-alih oleh negara. Negara mengimpot minyak dari Timur Tengah dan negara menjadi distributor kepada penjual-penjual minyak di seluruh negara. Itulah jalan keluar daripada kita membiarkan selama-lamanya beberapa jenis lintah menghisap darah kita dari kepala sampai ke kaki.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan seperti sekarang ini Dasar Ekonomi Baru negara iaitu untuk menghadap ujian, terutama kepada bumiputra yang sedang memasuki lapangan perniagaan di semua bidang berhadapan dengan satu kenyataan yang sangat sulit. Orang-orang yang berkedai menjual nasi atau restoran, beliau menyediakan barang pada hari ini \$75 dia dapat menjual katakanlah untung \$190 setelah ditolak belanja semua sekali masih ada sedikit untung. Tetapi kalau dia bawa \$75 pagi esok ke pasar dia tidak dapat menyediakan

barang sebanyak yang disediakan dahulu dengan wang sebanyak \$75. Padahal dia tidak bersedia untuk menaikkan harga pada hari itu, kerana akan memeranjatkan orang. Dia terpaksa menunggu dahulu dan ini sedang berlaku. Sekalipun ada galakan Kerajaan sungguh-sungguh supaya bumiputra masuk lapangan dagang, mengadakan semua persediaan-persediaan seperti UDA supaya menyediakan atau menolongkan tempat-tempat perniagaan, akan tetapi sewa yang tinggi memukul dengan sangat kuat terhadap peniaga-peniaga dan soal sewa yang tinggi ini bukan sahaja peniaga-peniaga bumiputra, peniaga-peniaga orang Tionghua yang sudah berpengalaman lama dalam perniagaan banyak yang bertukar tangan di kota Kuala Lumpur ini sendiri, oleh sebab tidak tahan dengan sewa yang terlampau tinggi, jualan yang terlalu kurang oleh sebab inflasi. Orangramai pun berfikir dua kali untuk membeli barang. Apa yang sangat perlu dibeli, apa yang kurang perlu lupakan dahulu, kalau mahu di beli harus ditanya dan ditinjau seberapa banyak, seberapa murah yang boleh kerana keadaan inflasi. Bagaimana membayar sewa yang begitu tinggi, bagaimana mencari untung, bagaimana menanggung nafkah diri dan keluarga? Ini adalah persoalan besar kepada semua peniaga-peniaga yang sedang memasuki lapangan perniagaan. Lainlah yang besar-besar yang million-million yang untungnya pun juga million-million.

Di dalam saat inflasi ini teori ekonomi mengatakan tinggikan bank interest untuk mengawal peredaran wang supaya orang menyimpan wang. Maka bank overdraft sekarang ini sudah naik daripada 9.6% kepada 11.2%, sekarang sudah menjadi 13.2%. Semua pedagang-pedagang bumiputra yang mula masuk ini mengharapkan overdraft untuk pusingan perniagaan itu. Overdraft yang tinggi kerana teori ekonomi mengatakan dengan cara meninggikan interest wang itu disimpan, orang mengejar untung dengan interest. Jadi wang kurang beredar, dapat dikawal. Tetapi pukulan juga kepada pedagang-pedagang atau peniaga-peniaga yang mulai masuk di lapangan perniagaan. Jadi bukanlah semua teori ekonomi daripada ahli-ahli ekonomi itu betul. Dalam prektik Kerajaan harus mengkaji balik setiap aspek yang ada hubungan antara satu sama lain.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh, negara-negara ASEAN khususnya negara pengeluar getah sepatat dalam soal perjuangan mempertahankan kedudukan getah asli. Kita mengancam Jepun kerana mereka merupakan gergasi pengeluar getah tiruan dengan tidak mengindahkan kepentingan negara-negara kecil di Rantau Tenggara Asia ini yang umumnya sebagai negeri-negeri pengeluar getah asli. Kita mengirinkan deligasi ke Tokyo, kita menunjukkan rasa marah dan geram kita. Jepun mengirinkan deligasi untuk menenteramkan keadaan mencari penyesuaian kerana getah merupakan satu sumber kewangan negara dan sumber pencarian rakyat negara kita. Tentulah sangat bijak langkah yang kita ambil bagi kepentingan berjuta-juta rakyat di rantau dunia sebelah sini.

Bercakap tentang tiruan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan selain daripada getah tiruan ada lagi satu penyakit tiruan. Di antara usaha-usaha kaum bumiputra yang sekarang tidak merupakan monopoli, sudah ditembusi oleh golongan yang bukan bumiputra ialah perusahaan batek. Perusahaan batek ini satu perusahaan yang tidak lama umurnya di Malaysia, tetapi dalam sejarah merupakan satu perusahaan yang lebih kurang 2,000 tahun lamanya di Jawa, sekarang Indonesia. Apa yang dikatakan batek, mempunyai design yang tersendiri. Apa yang dimengertikan dengan batek ialah satu usaha yang dibuat dengan tangan merupakan seni dan kebudayaan bagi bangsa daerah ini, ini Kepulauan Melayu. Sejak beberapa belas tahun yang lalu batek telah mengambil tempat di negara kita, dimulai dari Kelantan. Walaupun dengan keadaan upah yang murah, tetapi mereka rajin bekerja, sedikit demi sedikit batek telah popular, telah terkenal di dalam dan di luar negeri. Dia bukan lagi seperti dahulu menjadi pakaian karatun, pakaian istana, pakaian orang-orang bumiputra sahaja tetapi sudah merupakan pakaian semua kaum di negara kita dan diterima pula oleh negara-negara luar, berdasarkan daripada apa yang beriakut tentang eksport-eksport batek.

Dalam keadaan yang seperti ini pengilang-pengilang kain yang diberi pioneer status oleh Kerajaan kita, mereka juga mencuri dan meniru membuat batek. Mereka mengeluarkan batek-batek roll dengan meniru design-design batek yang dibuat dengan tangan yang

mana mendapat pasaran luar negeri. Mereka menirukan, mengeluarkan batek mengikut design itu dan diekspot dengan nama "Batek Malaysia".

Akhir-akhir ini sesudah orang bumiputra mengeluarkan fikiran baharu membuat batek keping demi keping (piece by piece), 3 ela, 3½ ela dan sebagainya yang dikatakan persediaan untuk pakaian maxi, kilang-kilang perusahaan dan mengecap kain juga mengeluarkan piece by piece dalam bentuk untuk maxi dengan design-design seperti yang dikerjakan oleh perusahaan tangan oleh kaum bumiputra khususnya. Kalau ada satu permohonan dari bumiputra sekalipun hendak berkongsi dengan bangsa lain atau pemodal luar negeri untuk membuat satu kilang atau mengadakan perusahaan tenunan di negeri ini. Kerajaan akan mengkaji dari segi apa yang telah ada. Mesti ada protection kepada kilang-kilang yang telah ada kalau sekiranya perusahaan baharu ini bertujuan untuk membuat atau menandingi. Kerana mereka yang ada itu perusahaan-perusahaan besar bermillion-million modalnya, tetapi di dalam Dewan ini sudah pernah berkali-kali disuarakan baik oleh saya atau orang lain mengenai batek ini, tetapi Kerajaan tidak memikirkan soal protection kepada pengusaha-pengusaha batek, kononnya free enterprise di negeri ini.

Membiarkan kilang-kilang mencetak kain-kain mengikut design batek bahkan ditiru dari design-design yang laku di luar negeri kemudian dibenarkan eksport dengan nama "Batek Malaysia". Kain yang dibuat daripada mesin dengan menggunakan batek design kemudian dijadikan kemeja, label di pasangkan "Hand Printed Batek Malaysia". Ini penipuan dan kepalsuan yang terang-terang, tetapi boleh dibenarkan eksport keluar negeri. Kalau kita menentang getah tiruan kerana kepentingan rakyat maka Kerajaan juga harus berusaha menentang golongan-golongan pemodal yang boleh mencetak berbagai-bagai jenis kain mengikut design tetapi janganlah meniru batek, kerana ini merupakan satu pukulan bukan sahaja kepada perusahaan-perusahaan di Malaysia tetapi juga memukul perusahaan di Indonesia yang dahulunya merekalah asal permulaan membuat batek dari ribuan tahun yang lalu. Jadi janganlah memanjakan kapitalis yang besar-besar yang akibatnya terlalu buruk bagi kejernihan politik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak bercakap tentang Kuala Lumpur kerana dalam Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menentuhkan soal Kuala Lumpur telah menjadi Wilayah Negara Persekutuan. Dewan kita telah bercakap tentang Rang Undang-undang itu dan sekarang telah menjadi undang-undang dan Kuala Lumpur telah menjadi kenyataan, menjadi satu wilayah di dalam Negara Persekutuan. Apa yang saya suka menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan dan dia menjadi Ibukota Negara Persekutuan. Di samping itu, Kuala Lumpur adalah nama sebuah district atau daerah di dalam Negeri Selangor. Saya tidak tahu apakah telah dibuat satu undang-undang di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor yang mengubah nama Kuala Lumpur bagi district atau bagi daerah Kuala Lumpur yang sedia ada sesudah ujudnya Wilayah Ibukota iaitu juga namanya Kuala Lumpur.

Sepanjang yang saya ingat belum ada perubahan, masih lagi Kuala Lumpur ini merupakan satu daerah dalam Negeri Selangor dan nama Kuala Lumpur ini merupakan satu wilayah yang telah dirasmikan dengan undang-undang sebagai Ibukota Negara Persekutuan. Dengan tidak bermaksud bercakap panjang-panjang saya tidaklah menyentuh pentadbiran Kuala Lumpur sesudah menjadi Wilayah Persekutuan kerana benda itu berlaku baharu sangat dan banyak perkara yang mesti dilakukan tetapi yang saya ingin menyentuh nama Kuala Lumpur itu, nama Kuala Lumpur yang dahulunya Ibukota Negeri Selangor dan nama Kuala Lumpur juga ibu district bagi District Kuala Lumpur, sekarang telah menjadi Wilayah Persekutuan dan Ibukota negara Persekutuan.

Pada himat saya adalah sangat baik jika nama Kuala Lumpur ini kita tukarkan kepada satu nama yang sesuai dan berbeza daripada daerah Kuala Lumpur yang masih ujud bagi Negeri Selangor. Pertukaran nama bagi kota-kota adalah satu perkara yang boleh berlaku dan tidaklah satu perkara yang luar biasa. Bersempena dengan sejarah kebangkitan bangsa kita sebagai bangsa Malaysia, bersempena dengan perjuangan kemerdekaan kita, yang kita perjuangkan dengan cara kita tersendiri di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selepas saya menyertai politik beliau pada

masa yang lalu atau tidak, tetapi saya rasa manusia yang berbudi, yang mengenangkan budi, mengingati jasa dan budi manusia, senyampang Kuala Lumpur sudah menjadi satu Ibukota Wilayah Persekutuan dan namanya bersama dengan Daerah Kuala Lumpur bagi Negeri Selangor satu nama patut dipilih bagi kota Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, dan saya fikir jika dapat ditimbang oleh rakyat dan Kerajaan, kota baru itu patut kita namakan Kota Rahman Putra.

Pertukaran nama Rahman Putra menggantikan Kuala Lumpur adalah sangat tepat bukan kerana saya mahu mengambil contoh dari United States of America yang telah memberi nama Washington kepada ibukota mereka sebagai membalas kepada usaha perjuangannya George Washington, terlepas dari soal itu, kalau ia kebetulan, itu soalan lain. Yang pentingnya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mempunyai satu keistimewaan dari segi politik negara, bentuk negara kita dengan sembilan buah Negeri yang bersultan, di mana keadaan politik tidak mengizinkan sewaktu Allahyarham Datuk Onn sebagai pemimpin Melayu melalui UMNO mahu supaya diadakan Timbalan Persurujaya Tinggi Persekutuan di negara kita ini di bawah MacGillivray sebab perasaan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita tentulah tidak begitu senang, jika ada seorang seperti Datuk Onn atau sesiapa pun jugalah duduk di bawah MacGillivray ertinya kedudukannya lebih tinggi daripada kedudukan Raja-raja. Pertukaran pimpinan Datuk Onn kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ini berlaku di saat-saat yang memerlukan penyatuan pendapat supaya tidak berlaku divide and rule daripada pihak penjajah yang terkenal daripada golongan rakyat di satu pihak dan golongan rakyat di pihak yang lain, maka Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai sifatnya seorang keturunan Raja, adik kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan di waktu itu, anak kepada Almarhum Sultan dan jiwanya adalah jiwa rakyat yang barangkali saya lebih kenal sebab saya dibesarkan di zaman Tunku Abdul Rahman, sekalipun politiknya saya tidak dapat terima, jiwanya jiwa rakyat, maka keadaan itulah telah menjadikan sebab-sebab perpaduan yang cepat, yang mempercepatkan kemerdekaan negara kita yang tidak ada peluang bagi British

untuk berdolak-dalik bagi melambatkan kemerdekaan negara ini. Tentu-lah tidak guna bagi saya untuk menghuraikan terlalu panjang mengapa saya cadangkan Rahman Putra menggantikan Kuala Lumpur itu mengambil sempena nama bekas Perdana Menteri kita, bekas pejuang kemerdekaan yang telah mencapai kemerdekaan bagi negara kita dengan cara beliau yang tersendiri. Saya fikir tidak ada sebab bagi Kerajaan dan rakyat negara ini tidak dapat menimbangkan syor saya ditukarkan Kuala Lumpur kepada Rahman Putra yang merupakan wilayah negara Persekutuan dan kemudian diperkenalkan kepada seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya dapati paragraf berhubung dengan Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam akan diadakan di negara kita ini tidak lama lagi. Itu adalah satu kebanggaan dan satu kemegahan kita dari segi politik di mana kebijaksanaan Perdana Menteri Tun Abdul Razak boleh membawa mereka menjadikan Kuala Lumpur tempat persidangan, tetapi suatu yang menarik perhatian saya di dalam Titah Ucapan itu ialah kita sebagai sebuah negara Islam. Perkataan kita sebagai sebuah negara Islam ini menarik perhatian saya untuk bercakap, sebab Malaysia dengan Perlembagaan kita yang ada adalah secular State, sebuah negeri secular, sebuah negara corak keduniaan yang tidak tunduk kepada hukum-hukum dan penilaian-nilai hukum ugama. Untuk mengatakan sebuah negara Islam selama kita masih lagi berada di dalam Perlembagaan yang bercorak secular, sebagai muslim dan mukmin saya tidak dapat menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah gembira atas apa yang telah diucapkan membayangkan hasrat dan kalau lebih cepat sampai adalah lebih baik bagi kita semua. Apa yang boleh kita buat untuk mempercepatkan sampai? Kita harus bersedia untuk membuat sebuah Perlembagaan baharu bagi negara kita. Perlembagaan mana yang mempunyai nilai-nilai kenegaraan Islam yang bukan orthodox, yang mempunyai nilai-nilai pengakuan terhadap hak asasi manusia, di samping mengakui bahawasanya bumi tanahair kita ini bukan Tuhan, bukan apa-apa tetapi dia adalah bumi anugerah Allah

kepada hambanya yang bernama bangsa Malaysia untuk hidup di negara ini dan mengabdikan diri mereka kepada Allah S.W.T. yang menjadikan mereka semua. Bukanlah menjadi kewajipan kita untuk memilih apa yang disuruh oleh Tuhan mana yang patut kita ikut dan mana yang tidak patut kita tidak ikut. Kewajipan kita ialah taat melaksanakan hukum-hukum Allah di dalam negara kita dengan hak-hak yang sepenuhnya kepada setiap warganegara yang bukan Islam untuk protest sebarang undang-undang yang dijalankan di dalam negara ini, jika mereka mendapat pertentangan dengan kepentingan hidup dengan kepentingan kepercayaan mereka. Saya juga tidak hendak mengulas unsur-unsur daripada apa yang dikatakan perlembagaan negara Islam, tetapi saya katakan kalau kita mahu daripada sekarang kita boleh bersedia untuk membuat perlembagaan baru dengan tidak payah meminta Lord Reid atau sesiapa. Kita mempunyai orang-orang yang cukup di Malaysia yang boleh merangka dan mengubal satu Perlembagaan bagi menyesuaikan kita dengan negara Islam yang menjamin kestabilan, menjamin kebaikan bagi seluruh manusia, Muslim atau bukan Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bercakap perkara ini sebab saya merasa sesuatu perlu dikatakan. Ada orang yang merasa tidak perlu dikatakan, ditahan di dalam hati. Tetapi dalam Al-Quran ada menyatakan: "Jangan kamu campurkan kebenaran dengan yang batil, jangan campurkan yang benar dengan yang salah, kamu sembunyikan yang benar sedangkan kamu mengerti." Saya mahu sebuah negara Islam, sesiapa pun di dalam Malaysia ini yang mengikuti perjuangan saya mahu negara Islam, tetapi negara Islam itu kalau kita sama-sama mahu mari kita usahakan dengan mengadakan perlembagaan negara yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan politik sekarang ini di mana kekacauan berlaku terlalu hebat di berbagai bidang berpunca dari inflasi. Kekuatan batin dan rohani mestilah seimbang untuk melawan semua bahaya-bahaya ini dan untuk itu langkah-langkah yang bijak mesti diambil sebab-musabab telah sampai. Keadaan telah menekankan manusia supaya mencari perubahan bagi manusia di dalam dunia ini. Keadaan yang berlaku, di dalam hubungan kita luar negeri seperti hubungan

kita dengan negara-negara ASEAN. tindak-tanduk kaum kominis yang tidak bererti daripada mengancam keselamatan negara kita. Ancaman yang berlaku dalam negara kita oleh kominis ini sudah reda di Sarawak, tetapi bertambah marak di Semenanjung kita ini. Tentulah faktor-faktor yang meredakan keadaan di Sarawak itu dan yang menyebabkan bertambah marak di Semenanjung ini berbeza. Sempadan kita selain daripada air laut di Sarawak ialah dengan Indonesia, sempadan kita selain daripada air laut di Semenanjung ini dengan daerah Melayu di Selatan Thailand yang juga sedang bergolak memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan negara mereka yang dahulunya dikenali sebagai negara Patani dari penjajahan Siam, yang diakui oleh British dalam pembahagian negara-negara atau daerah Negeri-negeri Melayu semasa penjajah, dan disahkan dengan perjanjian tahun 1910 kemudian diakui oleh kita di dalam perjanjian kemerdekaan, dan dicatitkan di dalam perlembagaan negara kita, menghormati semua perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh penjajah British sebelum daripada kita merdeka. Faktor-faktor yang berlaku di sekeliling dan sekitar adalah mempengaruhi satu sama lain.

Saya pernah membayangkan dalam Dewan yang mulia ini pada suatu ketika yang lalu, sewaktu kita sedang bercakap tentang kita mahu perkecualian bagi daerah ini diakui oleh semua pihak. Saya menyentuh tentang soal Patani bukan bermaksud untuk menyentuh perasaan negara jiran anggota ASEAN, tetapi adalah juga berhubung dengan soal keselamatan negara kita. Saya mengatakan kalau mereka tidak mendapat bantuan dari sesiapa mungkin kominis akan mengambil kesempatan menyokong mereka. Tidak pernah kominis menyokong dengan jujur. Komunis Russia menyokong perjuangan Arab di Timur Tengah bukan kerana jujur menolong Arab, tetapi mereka mahu mencari influence di Timur Tengah. Amerika menyokong Israel habis-habisan di Timur Tengah bukan kerana dia sokong sangat Israel, tetapi dia mahu Russia tidak masuk di sana dan pengaruhnya kekal di sana. Saya pernah mengingatkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau golongan ini tidak mendapat perhatian dari sesiapa, dari kita sebagai anggota ASEAN, dari Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya, mungkin mereka akan menerima tawaran kominis,

sokongan kominis yang berudang di sebalik batu. Akibatnya kominis dapat memperhebatkan kegiatan mereka dengan mempergunakan 2½ juta suku bangsa Melayu yang berada di Selatan Thailand, dan ini bukan lagi akan merupakan kegiatan guerilla, tetapi dia akan merupakan satu kegiatan bala tentera pada satu ketika yang akan datang dengan sedar atau tidak sedar seperti Mao Tse-tung, yang pada mulanya dengan gerakan guerilla, kemudian dia menjadi bala tentera menghapuskan Chiang Kai Shek daripada Tanah Besar China ke Formosa.

Tuan Yang di-Pertua, politik ini sedang berkembang dan boleh berubah, maka Kerajaan kita harus memberi perhatian yang sungguh-sungguh dalam soalan ini demi keselamatan kita. Kalau tidak seluruh Tenggara Asia akan menjadi mangsa yang paling mudah, paling rapuh, paling sedap bagi penaklukan cara baru dari kuasa besar yang baru di dunia ini.

Dalam hal ini hubungan diplomatik yang sedang gerak sekarang diusahakan perundingan antara kita dengan Peking, pada hemat saya patut ditinjau kembali. Jika kita perlu mengadakan hubungan diplomatik dengan Peking harus serentak dilakukan bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain setelah difikirkan semasak-masaknya dan mempunyai kepentingan yang sama bagi semua negara ASEAN.

Pada hemat saya langkah yang telah diambil baru-baru ini oleh Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN, yang mana Malaysia di wakili oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita di Jakarta, memutus diwujudkan Secretariat tetap bagi ASEAN di Jakarta, adalah satu langkah yang sangat bijak dan tepat pada waktunya. Jakarta yang stratijik letaknya dalam lengkungan negara-negara Tenggara Asia iaitu negara-negara anggota ASEAN sangat menasabah menjadi pusat bagi kegiatan ASEAN. Dengan ujudnya Secretariat tetap ini, maka sebarang langkah yang mahu diambil sekalipun tidak mesti kita terikat kerana ASEAN tidak merupakan political body dan dia merupakan aktiviti-aktiviti dari segi kebudayaan dan ekonomi, tetapi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan ekonomi itu juga ada kesan dan ada hubungannya dengan perkembangan politik, maka sepatutnyalah ada perundingan-perundingan yang cukup matang dan bersesuaian

dalam apa yang dikatakan. mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara China di Peking. Oleh sebab saya bimbang, sungguh-sungguh bimbang kegiatan kominis di Tenggara Asia ini tidak akan bertambah reda, tetapi mungkin bertambah menyala dengan sokongan moral secara langsung atau tidak langsung dengan pembukaan Kedutaan China Komunis di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia sebagai negara anggota, harus membayar sebahagiannya dalam Tabung Kewangan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi sehingga ini Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan satu forum politik bagi semua bangsa-bangsa kecil dan besar, tetapi hakikatnya merupakan pentas permainan bagi kuasa-kuasa politik yang besar.

Soal Afrika Selatan misalnya, sampai sekarang belum selesai, sebab British mempunyai kepentingan di Afrika Selatan dalam konteks hubungan perdagangan dan pertahanan dari rangkaian London dan Canberra. Sebab itu soal orang kulit hitam tidak boleh diselesaikan, dan Jawatankuasa Hak Kemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu tidak boleh berbuat apa-apa. Bangsa-bangsa Bersatu dalam Bahagian Tanah Jajahan, sesudah berpuluh tahun selepas perang dunia, lepas berpuluh tahun ditubuhkan Bangsa-bangsa Bersatu belum dapat diselesaikan masalah tanah jajahan dan kita sendiri juga tidak bersungguh-sungguh dalam memperjuangkan perkara tanah jajahan sehingga wujud tanah jajahan di utara dan di timur kita. Brunei misalnya, merupakan tanah jajahan Inggeris yang tidak boleh dibiarkan, tidak timbul masalah samada mereka akan bersatu dengan Malaysia atau tidak, tetapi Brunei ialah jajahan British dan jajahan itu mestilah dihapuskan sesudah 25 tahun lebih selepas perang dunia kedua, dan sesudah ada Atlantic Charter dan sesudah ada United Nations. Hal-hal ini sudah patut kita bersihkan sama sekali, kemudian baru dapat kita binakan dunia baru.

Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat akhir ini hubungan kita dengan negara-negara Timur Tengah bertambah banyak dan bertambah lunak. Sudah pandai ahli-ahli diplomat kita bercakap dengan orang Arab, cium ke kanan dan cium ke kiri. Itu adalah adat. Dan langkah ini harus diteruskan

kerana memang banyak peluang kita di masa hadapan di bidang perdagangan dengan negara-negara Timur Tengah itu. Dan putaran jarum sejarah manusia sedang berpusing—history will repeat itself dan Timur Tengah mempunyai peluang menjadi kuasa besar pada masa hadapan. Jadi kita juga mempunyai bahan mentah yang banyak, yang kaya, boleh termasuk dalam golongan mereka. Sejarah sedang datang kepada kita. Berapat-rapat dengan mereka dengan cara yang bijaksana, memahami masalah mereka, memahami bahasa mereka dengan memberi peluang kepada graduate daripada Timur Tengah dengan gaji yang sama seperti yang keluar dari Universiti London dan lain-lain, mereka boleh menjadi diplomat-diplomat yang baik. Presiden Houari Boumedienne daripada Algeria keluaran daripada Azhar Universiti. Jadi tidak ada sebab beratus-ratus keluaran Azhar Universiti yang ada di Malaysia ini tidak boleh diberi peluang menjadi duta dalam konteks hubungan dengan negara-negara Arab, walaupun bukan Arab, tetapi sekurangnya negara-negara Timur Tengah. Janganlah diberi mereka kelas tiga, sebaliknya berilah mereka taraf yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sampailah masanya bank-bank di negara kita membuka cawangan di kota-kota penting, misalnya, di Qatar di negara bahagian Padang Pasir yang jarang kita dengar, tetapi dia mempunyai lapangan terbang international nombor dua dalam dunia, pusat persinggahan dan persimpangan jalan di Timur Tengah, tetapi yang kita lebih terdengar selain daripada Cairo ialah Beirut, sebab di sana tempat casino. Qatar adalah merupakan tempat yang penting, dan harus ada bank-bank kita di Beirut, di Jeddah dan sebagainya yang harus digalakkan bank-bank kita membuka cawangan walaupun tidak dengan sertamerta hubungan datang dapat dibuat dengan banyak, tetapi lambat-laun kita mempunyai peluang-peluang perdagangan yang sangat banyak dengan negara-negara Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Ucapan Di-Raja ini, saya rasa biarlah saya mengambil peluang sedikit mengenai dengan pelajaran supaya dapat difikirkan oleh Kerajaan tentang pengkajian semula. Dasar kita selama ini sesuai dengan dasar British di negara kita. Kita memberi pelajaran kepada rakyat di negara kita di sekolah

rendah dan digalakkan masuk sekolah menengah rendah dan tinggi dan diberi peluang mengikut percentage berapa yang patut kita keluarkan, dan sekarang kita galakkan sebanyak-banyaknya. Kalau boleh dapat dikeluarkan dalam bahagian teknik dan lain-lain lagi, tetapi bukanlah menjadi dasar kita selama ini, dan sehingga hari ini memberi pelajaran dan pendidikan. Bukan dasar kita memberi pendidikan. Sedangkan dasar tabie (nature) manusia itu sendiri, yang memang sudah ada nalurinya (instinct) sejak lahir seperti binatang-binatang juga, dan ada kebolehan menjadi begitu dan begini. Sesudah dia besar dan perlu dididik oleh negara, oleh Kerajaan bagi membentuk rakyat yang dewasa, yang matang, yang baik dan berguna kepada negara. Jika tidak, kita akan berhadapan dengan kenyataan-kenyataan seperti yang berlaku, misalnya, Instituit Teknologi MARA (ITM) yang mengadakan demonstrasi oleh kerana menuntut sesuatu. Entah bagaimana cara demonstrasinya kita tidak dapat mengetahui dengan benar, sebab surat-khabar juga tidak mempunyai kebebasan cukup untuk menyiarkan semua sekali peristiwa dalam negara kita ini, dan TV juga tidak menunjukkan sepenuhnya apa yang berkembang, sebab itu kita tidak tahu, tetapi bagaimanapun kita dapat faham mereka itu nakal, mereka itu setengah orang mengatakan telah menjadi kurang ajar. Mereka melaung-laung semasa Menteri bercakap, mereka bersorak-sorak. Kalau mereka nakal, kalau mereka kurang ajar, sebagaimana kata setengah orang, kalau mereka telah menjadi begitu biadab misalnya, maka kita marah. Sebab kita sudah dewasa, sudah tua, dan kita berkuasa sekarang. Kita marah. Tutup ITM. Siapa yang rugi? Bangsa Malaysia yang rugi. Siapakah yang bersalah dalam hal ini? Saya mahu mengatakan bahawa Kerajaan yang memerintah yang bersalah, ini akan berlaku beratus-ratus kali ulangnya lagi. Jika tidak diperbetulkan dasar pelajaran, dengan memberikan pelajaran dan pendidikan kepada anak-anak di negara kita ini. Mereka mesti dididik menjadi manusia yang berbudi, anak-anak yang berguna, kalau mereka mempunyai pelajaran dan pendidikan tetapi begitulah caranya. Kita marah. Kita tutup ITM. Yang rugi negara kita juga, jenerasi kita juga yang rugi. Jadi hal ini boleh diperbetulkan jika kita mahu sedar. Saya fikir langkah yang dijalankan oleh Indonesia dengan cara pelajarannya dan pendidikan-

nya boleh diambil dan disesuaikan dengan negara kita. Kita didik dan kita ajar dalam pengetahuan dan budi pekerti sampai melahirkan angkatan yang betul-betul berguna kepada negara kita.

Disamping itu, saya juga ingin menyentuh soal buku sekolah. Kita serahkan nasib buku sekolah kepada Jawatankuasa Sekolah, Guru Besar sekolah yang menentukan buku-buku sekolah kalau sekolah itu mahu pilih buku ini bolehlah dipilih. Jadi kalau sekiranya seorang bapa umpamanya pegawai-pegawai Kerajaan yang selalu bertukar, ia bertukar ketempat ini, kalau polis umpamanya, dia daripada Balai Polis Gombak, bertukar ke Balai Polis katalah sebelah sana Petaling Jaya katakan jadi anaknya mesti ditukar sekolah, buku sekolah juga berubah. Demikian juga di negeri-negeri lain. Dan baru-baru ini apa yang berlaku buku yang dicadangkan oleh sekolah itu untuk dijadikan buku bacaan tidak dapat di kedai-kedai. Berlaku berbagai-bagai kesulitan kepada ibu bapa dan kerugian kepada anak-anak di dalam pelajaran.

Saya fikir hal ini bukanlah suatu perkara yang luar biasa kerana negeri-negeri lain pula buat begitu, tiap-tiap tiga tahun kita tukar buku, itu patut. Tiga tahun sekali kita tukar buku tetapi buku-buku ini tidak dibiar macam sekarang. Hanya satu lembaga samada Lembaga itu dibentuk daripada Kementerian Pelajaran ataupun Lembaga itu daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Satu Lembaga, hanya satu lembaga sahaja yang mengendalikan soal penerbitan buku untuk bacaan di sekolah-sekolah untuk kegunaan di sekolah-sekolah. Bagaimana cara mendapat buku-buku, tiap-tiap tiga tahun sekali adakan pertandingan. Beri peluang kepada penulis-penulis, pengarang-pengarang, penyusun-penyusun buku dari semua subject, dari semua perkara yang dikehendaki buat mengikut apa syllabus yang kita atur kemudian mereka masuk serahkan dalam pertandingan, ada committee menghakimkan, mana yang diterima diberi hadiah kemudian itu dicetak dan disebarkan sama ke seluruh negara kita ini. Jika tidak, timbul dalam buku bahasa Inggeris tentang memperkenalkan orang-orang besar dunia, menceritakan tentang Nabi Muhammad (s.a.w.) dengan rupa gambar sedangkan umat Islam tidak rela digambar-gambarkan sebab Islam itu tidak mahu digambar-gambarkan, dipatung-patungkan. Jadi kalau uniform

Kementerian mempunyai tanggungjawab, beres, jadi tidak timbul masalah. Dalam soal mencetak buku-buku yang tidak diterima oleh Kementerian untuk dipakai di sekolah-sekolah dan ada sekolah-sekolah pula yang menerima buku untuk sekolah ini, antara pengarang dengan penerbit pun berlaku hal. Penerbit ada sebab-sebab soal kewangannya, dia delay, dilewatkan pengeluaran, ada berlaku mengikut setengah laporan mengatakan yang dicetak 10 ribu, diberitahu kepada pengarang hanya 3,000, honorarium yang dibayar kepada pengarang 3,000, tetapi lebih 7,000 untuk penerbit pula. Jadi jalan mengatasinya uniform satu lembaga dari Kementerian Pelajaran atau dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengendalikan tiap-tiap tiga tahun keluar buku baru sama semua sekali di sekolah-sekolah.

Begitu juga dengan uniform, pakaian. Saya tidak senang kalau dikatakan uniform yang hanya pakaian sama tetapi kita boleh biarkan orang ini berpakaian begini, kerana budak-budak Melayu yang Islam mahu berpakaian baju kurung, jadi dibenarkan pakai baju kurung. Kemudian nanti orang-orang Tamil akan meminta memakai sari pula. Sari dipakai hanya setakat ini sahaja bajunya, perutnya boleh dibuka, ekonomik katanya dan di bawahnya belit sahaja jadi sehelai kain, itu very economic. Dan kita terpaksa melayannya. Maka apa akan jadi kepada negara kita ini sedangkan kita mahu mencari perpaduan. Pada hemat saya, bila kita mahu menguniformkan mesti kita samakan betul-betul. Tentulah kita boleh pakai seluar, bagi perempuan misalnya semua sekali pakai seluar. Kalau seluar memanglah Rasulullah (s.a.w.) lebih suka, orang Arab pun pakai kain belit dahulu, tetapi Rasulullah mengatakan ada suka perempuan-perempuan Islam memakai seluar macam perempuan Parsi kerana perempuan Parsi telah memakai seluar. Apa salahnya? Islam bukan duduk di baju kurung, atau duduk di janggut atau duduk di misai, tidak apa-apa. Islam tidak ada kena-mengena dengan janggut, atau warna putih atau warna hitam, serban atau apa tidak kena-mengena. Islam ialah iman dan amalan. Jadi saya mahu uniform sebab kita dalam penyusunan satu bangsa baru, to build a united Malaysian nation belum ujud lagi tetapi kita mahu bangsa Malaysia ujud seberapa cepat yang boleh. Kerajaan mesti tegas, jangan mahu baju kurung, bagi baju

kurung, hendak pakai sari, bagi pakai sari, kelam-kabut negara kita nanti.

Dalam soal pelajaran tinggi timbullah soalan daripada Yang Berhormat sahabat kita, dia tidak ada di dalam, mengenai dengan doktor-doktor India, kena training setahun lagi baru boleh diiktiraf. Ini satu masalah yang sulit juga kalau hendak difikirkan. Kalau doktor yang kita recruit menerusi Kementerian Luar India, itu masalah lainlah. Tetapi kalau doktor-doktor daripada Malaysia Indians yang kita pula beri scholarship pergi belajar ke India kemudian bila balik kena tahan setahun kena house-manship. Kalau sudah nyata tidak perlu kita tidak dapat menyamakan ijazah ataupun kelayakan doktor-doktor yang keluar dari India dengan kelayakan doktor yang keluar daripada negeri lain yang kita akui dan doktor India ini mesti tunggu setahun lagi jangan diberi scholarship, jangan disuruh ia pergi belajar di India. Kalau dia mahu pergi belajar di India ambil doktor katakan pergi ke negeri lain, India tidak boleh, bila balik kena tunggu, habis perkara. Jadi tidak terasa oleh setengah orang ada diskriminasi dalam perkara ini walaupun ada alasan kita tetapi siapa suruh pergi belajar ke India. Kita benarkan, kita beri scholarship, kemudian kita juga tahan, ini tidak patut.

Lagi satu ialah soal doktor binatang. Ada kawan sekolah saya yang pergi ke India belajar dalam bahagian doktor binatang ini balik dari India, gajinya rendah. Kalau balik daripada England misalnya gajinya lebih tinggi fasal dia balik daripada India. Mengapa dia diberi scholarship pergi ke India? Berilah scholarship pergi ke England dahulu, tidak pergi ke India. Kemudian bila dia balik gajinya rendah. Walhasil dari segi kedokteran yang biasa itu saya tidak mahu jamin, itu hak Medical Board, hak badan perubatan tetapi sepanjang yang mengenai doktor binatang saya fikir England tidak ada binatang yang cukup untuk dibuat experiment. Certificate yang dikeluarkan ataupun taraf yang dikeluarkan, degree-degree yang dikeluarkan oleh universiti England atau di Europe misalnya tidak boleh diiktiraf di sini oleh sebab dia tidak cukup experiment, binatang juga tidak cukup. Tetapi India kaya dengan hutan, kaya dengan binatang berbagai-bagai jenis binatang yang hari-hari boleh dibuat experiment, operation, ditengok itu, dibaiki sana, di repair sini, semuanya boleh. Jadi hasil

experiment itu manusia jadi pandai. Ini saya percaya kalau bertaruh barangkali saya menang. degree doktor-doktor binatang daripada India tentu jauh lebih baik daripada degree doktor-doktor binatang\* daripada Barat tetapi sayang gajinya rendah fasal datang dari India. Pernah saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini tentang institute kita, institute kajian perubatan di negeri kita, kita mesti kaji semua jenis tumbuh-tumbuhan di negeri kita ini untuk dibuat ubat, kita kaya. Orang-orang Barat negerinya jarang ada tumbuhan-tumbuhan, bila masa winter pokok-pokok habis mati. Dia terpaksa memikir dengan otaknya bagaimana hendak menyimpan barang tahan lama dia buat tablet, dia buat pill untuk dimakan. Barangkali sesuai dengan climate atau iklim negeri dia, tetapi belum tentu sesuai ubat itu untuk negeri kita, bagi climate kita dan bagi darah kita di Asia ini. Oleh itu kita kena kaji sendiri beribu-ribu jenis akar kayu di negeri kita yang boleh dijadikan ubat-ubat yang barangkali baik bagi kita dan mungkin juga baik bagi orang-orang Eropah dan kita boleh juga jual di sana. Kita jangan abaikan negeri kita. Kita impot semua ubat dari England, tidak semua baik apa yang baik di sana baik kepada kita. Barangkali keadaan itu seperti kucing bila dia beranak lekas dia lari terus pergi mencari satu daun rumput dan memakan daun itu dia sehat, tidak payah cari bidan. Jadi di negeri ini tumbuh satu jenis daun yang kucing tahu untuk mengubat penyakit beranak. Itulah di dalam bumi ini Tuhan jadikan berbagai-bagai dan semuanya itu tidak ada sia-sia, ada gunanya, maka hendaklah kita kaji. Di dalam Al-Quran itulah yang berkali-kali digalakkan mengkaji, gunakan akal fikiran kaji semuanya, kerana tidak ada satu benda yang dijadikan oleh Tuhan sia-sia.

Akhir sekali, dari segi pelajaran. Sekarang ini dialog sedang berlaku tentang mengambil Nilam Puri iaitu Instituit Pengajian Tinggi Islam di Kelantan hendak dijadikan sebagai Kolej Universiti yang indoknya Universiti Kebangsaan. Saya meminta perkara ini dikaji halus-halus oleh pakar-pakar yang betul-betul memahami masalah ini. Soal Nilam Puri ini, saya master theory, saya yang mengadakan kertas kerja dan rencana mewujudkan sebuah Kolej Islam yang dinamakan Nilam Puri dalam usaha untuk menuju kepada satu

Universiti Islam yang lengkap entah beberapa puluh yang akan datang. Ini telah saya rencanakan dalam tahun 1965 di Negeri Kelantan di dalam Jawatankuasa Perancangan Dasar bagi Parti PAS untuk Kerajaan Negeri Kelantan. Mengapa timbul idea sebab Kerajaan telah memberi bantuan \$60,000 kepada Kolej Islam di Klang. Dengan bantuan sebanyak \$60,000 yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kolej Islam di Kelang itu Kerajaan mengenakan beberapa syarat-syarat (conditions) yang mengikat kebebasan Kolej yang bakal menuju sebuah universiti. Dengan sebab itu kebetulan PAS telah memerintah Negeri Kelantan, saya kemukakan pandangan ini. Semua sahabat saya mengetawakan theory saya, kecuali Allahyarham Zulkifli Muhammad memaksa supaya benda ini dibuat bagi mewujudkan sebuah universiti yang pada peringkat Faculty Islamic Studies, Kualiahtul Syariah yang kita buka di sana untuk mengeluarakan ulama intelek yang boleh menghadapi cabaran zaman. Kemudian membuka beberapa fakulti lagi sampai dapat dijadikan universiti yang lengkap dengan cita-cita Islam yakni beraliran daripada pendidikan Islam daripada bawah. Pendidikan-pendidikan Islam yang tidak datang dari bawah tidak akan melahirkan Islam yang sempurna. Di negeri-negeri Amerika dan negeri Barat yang lain ada Islamic Studies dalam universiti mereka. Mereka hanya boleh melahirkan orang-orang yang ahli tentang Islam dan boleh menjadi orientalist tetapi bukan melahirkan orang-orang yang beriman kepada Islam. Jadi untuk melahirkan Universiti Islam dan ulama intelek mestilah daripada golongan yang dididik dari bawah, daripada primary dengan jiwa itu baru sampai ke universiti baru dikeluarkan ulama-ulama intelek dalam undang-undang Islam, kedoktoran dan sebagainya, sebab Islam juga mahu kedoktoran. Ibnu Sina bapa kedoktoran moden dalam abad-abad yang lalu yang pernah bukunya menjadi buku pertama dipelajari oleh universiti perubatan di negeri-negeri barat. Jadi tujuan saya begitu. Tetapi sesudah "Coalition" ini berjalan tiba-tiba nampaknya Nilam Puri hendak dijadikan sebagai sebahagian daripada Universiti Kebangsaan akan datang dengan sendirinya tertunduk kepada perlembagaan Universiti Kebangsaan dan seluruh structure dan motif asalnya akan kecewa sama sekali, dan kekecewaan ini bukan kepada sesiapa

kecewa kepada perjuangan jenerasi kita dalam negara kita sendiri. Saya harap Kerajaan boleh mengkaji dengan sehalus-halusnya untung-rugi daripada mengambil Nilam Puri ini kerana motif asalnya adalah lain dan kalau dilaksanakan untung pada negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka menarik pihak Kerajaan semakin sehari saya dapat melihat dan mendengar kempen menggalakkan birth control (kawalan beranak) ini menjadi-jadi. Saya pernah bercakap dalam Dewan ini tetapi sekali lagi saya hendak bercakap. Saya suka melihat bangsa Malaysia menjadi 40 juta. Kita mempunyai bumi yang cukup luas. Pahang sama besarnya dengan Negeri Belanda. Tetapi Pahang baru berapa orang duduk di sana. Kalau kita jadi bangsa yang besar ada berpuluh-puluh juta orang kita, orang lain pun gerun. Sekarang Siam sudah berapa puluh juta penduduknya, kalau takdirnya, dia marah kita fasal Patani, kawan-kawan boleh jadi lawan. Kalau dilanggar kita apa akan jadi, mereka ramai, kita sedikit. Kalau kita beranak cepat kita akan dapat faedah daripada ramai jumlah kita itu. Orang pun segan-segan dengan kita. Yang boleh kita control mempunyai sebab-sebab. Islam tidaklah begitu sempit. Islam mempunyai semua sekali perundangan. Apa yang kita patut kawal kalau lelaki itu mempunyai penyakit-penyakit yang boleh membawa kepada keturunan, lebih baik jangan beranak lagi sebab kalau beranak anak itu menjadi beban negara: ada anak yang pekak, ada yang bisu, ada yang buta penuh dengan syphilis. Kalau membebankan negara Menteri Kebajikan. Am kita bukanlah kuat sangat untuk menanggung beban ini. (*Ketawa*). Perkara seperti ini boleh kita kawal. Kalau bapa mempunyai penyakit membawa benih-benih anak yang boleh merosakan jenerasi tidak perlu beranak, menyusahkan negara, otak pun tidak berapa cerdek. Kalau perempuan yang mempunyai gangguan kesihatan yang kalau dia beranak akan menyebabkan menjadi satu keadaan yang buruk, maka patut digalakkan kawalan beranak, tetapi jangan

ditimbulkan sebab ekonomi. Rezeki yang diberi oleh Tuhan dalam dunia ini cukup, tetapi kapatilis yang mengumpulkan kekayaan dan orang kaya itu terdiri daripada golongan yang kecil dalam dunia ini, bukan negara kita sahaja dalam dunia ini golongan kecil yang memainkan ekonomi dan kekayaan yang sebenarnya golongan besar tidak. Kalau ini diadilkan secara keadilan, maka tidak timbul masalah tidak cukup makanan. Kalau kita biarkan gejala-gejala ini penyakitnya akan timbul. Satu filem yang saya tuntun sebelum diharamkan filem-filem sex dahulu (*Ketawa*)—to be a somebody we have to see everything—kalau tidak macam mana kita boleh bercakap!

Cerita dalam filem itu lebih kurang begini: Emaknya janda, yang si anak ini umur dalam belasan tahun. Dia ada boy-friend. Emak dia ada pil pencegah beranak. Anak dia curi ubat itu. Dia ada tablet lain yang dia beli betul-betul serupa seperti ubat itu dan dia gantikan di tempat itu. Dia makan ubat emaknya dan dia ganti yang dia punya. Dia selamat tetapi emaknya yang mengandung. Bila emaknya mengandung, terpaksa-lah abortion. Emak dia menangis. Dia kasihan melihatkan emaknya. Dia pun menangis sama. Ini adalah penyakit masyarakat. Jadi galakan terhadap kawalan beranak dan jualan ubat dan sebagainya merosakan bangsa kita dan jenerasi kita, menjatuhkan maruah manusia sendiri. Tetapi memberikan yang hak kepada yang hak mengawal orang beranak dengan sebab jenerasi yang tidak baik akan diwarisi atau kerana penyakit yang wujud pada perempuan yang kalau mengandung merbahaya, itu adalah sebaik-baik langkah yang patut diambil.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa telah menunjukkan 6.30 petang, saya mohon izin hendak menyambung ucapan saya esok.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 15hb Mei, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*